

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 170 ● 24 - 30 JUN 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## DBKL bina enam Rumah Majlis

CABARAN Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam menangani masalah perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana B40 dan M40 sentiasa menjadi keutamaan.

Meskipun berdepan dengan masalah kekurangan tanah, namun pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa mencari kaedah bagi membantu kerajaan menyelesaikan masalah tersebut termasuklah membangunkan tanah miliknya untuk membina Rumah Majlis untuk memenuhi keperluan warga kota dengan pembiayaan sendiri.

Bagi merealisasikan hasrat itu, DBKL telah mengenal pasti enam lokasi pembinaan Rumah Majlis yang mampu memanfaatkan lebih 4,000 Keluarga Malaysia dengan bayaran sewa lebih rendah berbanding dengan perumahan swasta yang lain.

Sasaran untuk mewujudkan 10,000 Rumah Majlis juga akan dipergiatkan bagi mencapai hasrat kerajaan sekali gus merealisasikan wawasan ‘Satu Keluarga Satu Rumah’ serta mampu menyumbang kepada pengurangan kos sara hidup warga Kuala Lumpur.

LAGI BERITA MUKA SURAT 2



### INFO Lokasi Rumah Majlis

- Rumah Majlis Sungai Udang, Segambut.
- Rumah Majlis Jalan Siakap, Cheras.
- Rumah Majlis Kuarters DBKL, Sentul.
- Rumah Majlis Taman Desa Seputeh.
- Rumah Majlis Bandar Sri Permaisuri, Bandar Tun Razak.
- Rumah Majlis Sungai Besi.

SHAHIDAN menyempurnakan majlis pecah tanah Rumah Majlis di Sentul pada Selasa lalu.



Dana RM50,000 kepada setiap parlimen >>8



Pasar Dato' Keramat dibangunkan semula >>4



Pinda Perkara 152, Bahasa Melayu untuk tujuan rasmi >>17



Kebun Komuniti lestari sekuriti makanan >> 9, 10 & 11

# Rumah Majlis tawar sewaan rendah

DARI MUKA HADAPAN

AZLAN ZAMBRY

**M**ASALAH perumahan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur sering menjadi keutamaan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Melalui Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA), Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM) dan Residensi Prihatin Keluarga Malaysia (RPKM) di bawah KWP, ia menjadi penanda aras bahawa KWP sememangnya berikhtiar untuk menyelesaikan masalah perumahan dalam kalangan warga kota khususnya untuk generasi muda yang baru berkeluarga.

Bagi mencapai matlamat itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memperuntukkan sebanyak RM1.15 bilion bagi membina enam Rumah Majlis yang bermatlamat untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana sebagai inisiatif transit sebelum mereka mampu memiliki kediaman sendiri.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata inisiatif yang dilaksanakan ini bagi memberi peluang kepada warga kota untuk menyewa rumah dengan kos yang lebih murah dan selesa.

"Memandangkan pasaran semasa harga rumah yang semakin meningkat dan ia ditambah dengan kedudukan kewangan yang tidak kukuh, sukar untuk golongan B40 dan M40 memiliki rumah sendiri lebih-lebih lagi di Kuala Lumpur.



**SHAHIDAN** (tengah) dalam sidang medianya pada Selasa akan memohon kepada Perdana Menteri bagi menambah 5,000 unit Rumah Majlis di Kuala Lumpur.



**SHAHIDAN** (dua dari kanan) meninjau keadaan Kuarters DBKL yang telah usang.

"Sejak dengan aspirasi kerajaan untuk membina 500,000 rumah mampu milik untuk Keluarga Malaysia di bawah Rancangan Malaysia (RMK) Ke-12, pembinaan Rumah Majlis dilihat dapat menuhi aspirasi berkenaan dengan komitmen pembinaan sebanyak 5,000 unit kediaman berkeluasan minima 750 kaki persegi," katanya ketika berucap dalam Majlis Pecah Tanah Rumah Majlis Kuarters DBKL Sentul pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Menurut Shahidan, bagi merealisasikan hasrat ini, DBKL telah memperuntukkan sebanyak RM1.15 bilion bagi menanggung kos pembinaan enam projek Rumah Majlis yang dikenal pasti.

"Antaranya adalah Rumah Majlis

Sungai Udang, Parlimen Segambut, sebanyak 1,251 unit berkeluasan 807 kaki persegi (KPS) telah dibina dengan kos projek sebanyak RM345 juta; Rumah Majlis Jalan Siakap Cheras, sebanyak 702 unit berkeluasan 760 kps bakal dibina dengan kos projek RM200 juta manakala bagi Rumah Majlis (Kuarters DBKL) Sentul ini, sebanyak 168 unit berkeluasan 750 kps bakal dibina dengan kos projek sebanyak RM39.9 juta.

"Selain itu, untuk Rumah Majlis Taman Desa Seputeh pula, dianggarkan 1,000 unit berkeluasan 800 kps bakal dibina dengan kos projek sebanyak RM300 juta Rumah Majlis Bandar Sri Permaisuri, dianggarkan 204 unit berkeluasan 775 kps bakal dibina dengan kos projek sebanyak RM56 juta dan Rumah Majlis Sungai Besi, dianggarkan 700 unit berkeluasan 800 kps bakal dibina dengan kos projek sebanyak RM215 juta," katanya.

Menurut Shahidan, pihaknya turut merancang untuk membina tambahan 5,000 unit Rumah Majlis dalam tempoh lima tahun sebagai salah satu inisiatif menangani masalah perumahan di ibu kota.

"Kementerian Perumahan Kerajaan dan Tempatan (KPKT) juga akan membina perumahan rakyat, tapi itu peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, tetapi pembinaan Rumah Majlis ini daripada peruntukan DBKL dan ia akan menjadikan harta DBKL kelak," katanya.

Jelas Shahidan, projek pembinaan Rumah Majlis ini dilihat mampu menyumbang kepada pengurangan kos sara hidup warga Kuala Lumpur melalui penawaran harga sewaan yang lebih rendah berbanding harga pasaran.

"Ia juga dapat memberikan ke-

selesaan kepada para penghuni melalui penawaran saiz minimum 750 kps setiap unit serta kemudahan fasiliti lain. Sekiranya sasaran pembinaan Rumah Majlis di Kuala Lumpur ini tercapai, sudah pasti ia akan dapat dinikmati oleh lebih ramai lagi warga kota," katanya.

Rumah Majlis Kuarters DBKL Sentul ini akan dibina di Lot 20010, Seksyen 79 merupakan Kuarters Kakitangan DBKL yang sudah usang dan tidak sesuai untuk didiami.

Pembinaan kuarters baharu itu melibatkan sejumlah 168 unit kediaman akan disewakan kepada kakitangan DBKL dan tapak tersebut sudah pun diserahkan kepada Tetuan Mercu Binaraya Sdn Bhd pada 4 April lalu dan pembinaan bangunan Rumah Majlis setinggi 20 tingkat itu dijangka siap pada 31 Mac 2024. **WK**

## KWP cadang semua lorong tol untuk semua kaedah pembayaran

**CADANGAN** untuk menggabungkan semua teknologi dan kaedah pembayaran di mana-mana lorong di plaza tol seluruh Lembah Klang bakal dilaksanakan sekiranya ia di beri lampu hijau.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata cadangan itu merupakan antara inisiatif Task Force Kesesakan Jalan Raya Kuala Lumpur yang diketuainya bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar raya ini terutama pada waktu puncak.

"Selalunya apabila menghampiri plaza tol, pemandu terpaksa menukar haluan ke arah lorong yang ditetapkan untuk kaedah pembayaran pilihan mereka.

"Sebagai contoh, pengguna Pengenalan frekuensi radio, *radio frequency identification*, (RFID) mesti akan ke lorong yang ditetapkan dan selalunya hanya satu lorong disediakan.

"Ini menyebabkan kesesakan kerana pemandu cenderung berebut ruang untuk membayar tol," katanya.



**JALALUDDIN** (kanan) mempengerusi mesyuarat pertama Task Force Kesesakan Jalan Raya yang turut melibatkan PDRM, JPJ dan Jabatan Penguatkuasa DBKL.

waktu puncak.

Jalaluddin berkata, anggota pasukan petugas itu akan digerakkan ke 85 kawasan hot spot trafik untuk mengawal lalu lintas di jalan-jalan utama pada waktu puncak.

"Sebanyak 72 lokasi akan dipantau polis manakala 13 lagi akan dikendalikan oleh pegawai DBKL,"

menyumbang kesesakan di ibu negara.

"Sekiranya selepas ini mana-mana kenderaan berat yang dikesan masuk, tindakan penguatkuasaan kompaun mandatori menggunakan Seksyen 79 Akta Pengangkutan Jalan 1987 akan dikenakan terhadap mereka oleh polis dan juga JPJ tanpa kompromi."

"Papan tanda juga akan diletakkan di lokasi strategik bagi memberi amaran kepada kenderaan berat supaya tidak memasuki bandar pada waktu tertentu."

"Ini termasuk sesi pagi dan petang, iaitu dari 6.30 pagi hingga 9.30 pagi dan 4.30 petang hingga 7.30 malam setiap hari," katanya.

Bagi menambah baik keadaan trafik sekarang, Jalaluddin berkata DBKL akan menghalangi keluar semua tempat letak kereta di tepi jalan dan peniaga secara berperingkat.

"Langkah itu diamalkan kerana mendapat kemasukan kenderaan berat tanpa mengira waktu menjadi antara punca

katanya.

Menurut Jalaluddin, kenderaan berat melebihi 7.5 tan turut dilarang memasuki ibu kota pada waktu puncak berkuat kuasa serta-merta.

Katanya, langkah itu diamalkan kerana mendapat kemasukan kenderaan berat tanpa mengira

WK

Libatkan 111 projek di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan

# Kerajaan lulus 67,944 unit RWKM

**S**EBANYAK 67,944 unit kediaman di bawah Projek Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM) yang dapat memenuhi keperluan kediaman di Wilayah Persekutuan khusus untuk golongan M40 telah diluluskan kerajaan setakat Mei lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata jumlah tersebut melibatkan 104 buah projek di seluruh Wilayah Persekutuan.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97 buah projek adalah di Kuala Lumpur, tiga projek di Putrajaya dan empat projek di Labuan," katanya dalam ucapan perasmian dan penyerahan kunci Residensi Wilayah Keluarga Malaysia SkyAwani 3 di ibu negara pada Sabtu.

Hadir sama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk



ISMAIL (tengah, belakang) bersama-sama dengan pemilik Residensi Wilayah Keluarga Malaysia Sky Awani 3 selepas Majlis Penyerahan Kunci pada Sabtu.

Seri Dr Shahidan Kassim dan Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Projek yang dibina oleh Syarikat SkyWorld itu menawarkan sejumlah 1,905 unit kediaman berkeluasan 800 kaki persegi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air pada harga RM300,000 seunit.

Ismail Sabri berkata ker-

ajaan sentiasa memastikan kediaman yang ditawarkan kepada Keluarga Malaysia memenuhi keperluan semasa serta persekitaran yang selesa, kondusif, mesra keluarga serta praktikal, selain mampu dimiliki sejarah dengan wawasan Satu Keluarga

Satu Rumah.

"Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 serta Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) telah menggariskan langkah-langkah segera dan jangka panjang untuk merealisasikan hasrat tersebut."

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) juga telah memperkenalkan program Home Ownership Programme (atau HOPE) bagi melihat ekosistem lebih menyeluruh dalam penyediaan perumahan, pembiayaan perumahan serta program-program yang dapat membantu Keluarga Malaysia untuk memiliki rumah sendiri," katanya.

Perdana Menteri memberitahu bagi membantu golongan warga kota ber-

pendapatan rendah, KWP turut memperkenal program baharu yang dikenali sebagai Council Home.

"Ia adalah rumah untuk disewa sebagai transit bagi membantu golongan berpendapatan rendah B40 menyewa mengikut kemampuan sebelum mampu membeli rumah sendiri."

"Sehingga bulan April tahun ini, sebanyak 10 tapak telah dikenal pasti untuk pembinaan Council Home di Wilayah Persekutuan dan projek yang siap sepenuhnya adalah di Sungai Udang, Segambut berjumlah 1,251 unit.

Tambahnya, Council Home disasarkan pembinaan sebanyak 5,000 unit dalam tempoh lima tahun di antara tahun ini hingga 2027. **WK**



## MP Kuala Lumpur puas hati usaha DBKL

AHLI Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berpuas hati dengan usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang telah melaksanakan tindakan interim untuk menangani banjir kilat di ibu kota.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata maklum balas itu dikemukakan kepadanya ketika lawatan di empat lokasi hot spot bersama beberapa Ahli Parlimen tersebut.

"Mereka (Ahli Parlimen) berpuas hati dengan langkah yang telah diambil oleh DBKL dalam menangani banjir kilat di Kuala Lumpur."

"Meskipun ada yang membidas kerana menggunakan teknologi 'kuno' dengan membina tembok daripada beg pasir di tebing sungai sekitar Kuala Lumpur, namun ia berjaya menghalang air dari pada melimpah ke jalan raya," katanya dalam sidang media selepas Majlis Pecah Tanah Council Home Kuarters DBKL di Sentul pada Selasa.

Pada lawatan itu, Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil memuji tindakan yang telah diambil oleh Shahidan, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah serta pegawai dan kakitangan DBKL kerana mengambil tindakan pantas dalam menangani masalah banjir kilat di ibu kota.

Jelasnya, usaha yang diambil ini membolehkan Ahli Parlimen terlibat sama dan penjelasan



SHAHIDAN (tiga dari kiri) menunjukkan kemajuan Projek Tindakan Interim Pelan Tindakan Banjir Kilat dalam lawatan bersama Ahli Parlimen Kuala Lumpur baru-baru ini.

mengenai keadaan terkini juga amat memuaskan.

"Saya alu-alukan usaha ini untuk kebaikan semua pihak. Saya juga berharap itu berkaitan tanah runtuh yang disebabkan hujan lebat pada Disember lalu di tujuh kawasan dalam Parlimen Lembah Pantai dapat diselesaikan kerana ia melibatkan keselamatan orang ramai," katanya.

Bagi Ahli Parlimen Batu, P Prabakaran beliau menyifatkan bahawa penjelasan yang diberikan oleh Shahidan mengenai situasi semasa amat baik dan boleh difahami.

"Tindakan ini (turun padang) boleh dipuji kerana ia turut melibatkan wakil-wakil

rakyat bersama-sama untuk melihat dengan lebih dekat bagi mengenal pasti solusi dan tindakan yang telah dilakukan oleh DBKL.

"Beliau juga bersikap terbuka menerima cadangan ahli-ahli parlimen Kuala Lumpur demi kemakmuran warga kota," katanya.

Turut hadir dalam lawatan itu, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar, Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok Suh Sim; Ahli Parlimen Bukit Bintang, Fong Kui Lun; Ahli Parlimen Wangsa Maju, Datin Paduka Dr Tan Yee Kew dan Ahli Parlimen Keppong, Lim Lip Eng. **WK**



DATUK Seri Mahadi Che Ngah (tengah) menyerahkan Buku Transformasi Pasar Borong Kuala Lumpur-Menjana Ekonomi Norma Baharu kepada salah seorang wakil agensi terlibat di Menara 1DBKL, baru-baru ini.

## 1,500 warga asing berjaya dibanteras

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berjaya membanteras lebih 1,500 warga asing yang bermiaga dan bekerja di Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) antara Mac 2020 hingga Disember 2020 menerusi program pemutihan yang dilaksanakan.

Pengarah Jabatan Pelesehan dan Pembangunan Perniagaan DBKL, Khairul Anuar Mhd Juri berkata tinjakan penguatkuasaan itu diambil selari dengan Undang-undang Kecil Pasar Borong (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2002.

"DBKL berusaha keras supaya tidak ada warga asing bekerja di PBKL. Ya, mungkin ada yang membawa masuk (pekerja asing) secara curi-curi dan kadangkala perkara itu tidak boleh dielak.

"Namun jika ada, kita akan tahan kemudian diberikan surat tunjuk sebab kepada pemegang lesen malah ada juga kes yang lesen mereka dibatalkan," katanya dalam sidang media selepas Pelancaran Buku 'Transformasi Pasar Borong Kuala Lumpur - Menjana Ekonomi Norma Baharu' pada Selasa.

Khairul Anuar berkata, mel-

ui tindakan penguatkuasaan itu, ia telah membuka peluang pekerjaan kepada warga tempatan yang terkesan dan kehilangan sumber pendapatan akibat COVID-19 dan turut menawarkan pelbagai kemudahan termasuklah penyediaan asrama dan caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dalam ucapan perasmiannya berkata pelaksanaan norma baharu ketika itu telah mencetuskan idea untuk menubuhkan Task Force yang memberi fokus kepada aktiviti pemutihan pekerja warga asing selain mengambil tindakan terhadap isu pemerdagangan manusia dan pengubahan wang haram.

"Task Force ini berjaya mendidik pemborong untuk mematuhi syarat lesen dan menjalankan tanggungjawab sebaiknya sebagai seorang majikan selain turut membuka peluang dan ruang pekerjaan khususnya kepada warga Kuala Lumpur yang terkesan dan kehilangan sumber pendapatan susulan pandemik COVID-19," katanya. **WK**

Pembangunan Semula Pasar Dato' Keramat

# Tindakan ikut lunas undang-undang

**J**ABATAN Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JEP) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah diarah untuk memberikan keutamaan kepada pembangunan Pasar Dato' Keramat susulan laporan peniaga yang mendakwa kegagalan pemaju yang dilantik DBKL membangunkan semula pasar tersebut.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata beliau akan menyemak laporan berkaitan untuk mendapatkan punca kelewatan dengan terperinci mengenai pembangunan semula pasar tersebut yang telah memasuki lima tahun.

"Saya kena tengok dengan lebih teliti kerana ia melibatkan pihak ketiga, bukan DBKL sahaja, maka saya perlu tengok dahulu apa masalah dan bagaimana perjanjian yang telah ditandatangani di antara DBKL dengan pemaju.

"Ia melalui beberapa perkara yang perlu diselesaikan terlebih dahulu kerana kawasan ini mempunyai beberapa perkara yang kita anggap sebagai masalah di tapak sebelum ia boleh dimajukan seperti mana yang dirancangkan," katanya ketika ditemui pemberita pada Program Kuala Lumpur Car Free Morning pada Ahad.

Menjelas lanjut, Mahadi berkata, Projek Pembangunan Semula itu



**PASAR Dato' Keramat yang mengalami kebakaran kedua dalam tempoh 15 bulan perlu dibina semula demi keselesaan peniaga dan pengunjung.** - Foto Bomba KL

telah ditandatangani dengan pihak pemaju dan ia mempunyai kesan kepada undang-undang sekiranya ada cadangan untuk mengambil alih pasar berkenaan.

"Sebarang tindakan untuk ambil semula itu hendaklah mengikut lunas undang-undang dan tidak boleh terburu-buru kerana akhirnya merugikan kita," katanya.

"Kita juga tidak boleh ambil jalan mudah dan jika masalah itu tidak rumit dan mudah, saya yakin tidak ada pemaju yang hendak melewati-lewatkan pembangunan

semula kerana ia melibatkan kos yang tinggi," katanya.

Mahadi berkata, pihaknya akan menyelesaikan masalah tersebut secepat mungkin kerana mahu menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang maju dan mampan selari dengan inisiatif mewujudkan Pusat Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di ibu kota dalam konteks mentransformasikan kawasan lama di ibu kota.

"Antara usaha menjadikan bandar raya itu mampan adalah mentransformasikan kawasan

itu menjadi kawasan baharu yang mengikut standard semasa, mewujudkan kualiti kehidupan yang lebih baik, penjanaan peluang-peluang kerja baharu dan penjanaan kepada kemudahan baharu yang akan menjadikan Kuala Lumpur bandar raya yang lebih mampan," katanya.

Pada awal pagi 11 Jun lepas, Pasar Dato' Keramat (pasar lama) melibatkan gerai menjual pakaian terpakai di Jalan Keramat Dalam di sini, terbakar sekali lagi selepas insiden sama pada Mac tahun lepas.

Sebelum itu pada Mac, Pengarah projek Sinotech Properties Development Sdn Bhd yang juga pemaju, Mohd Zaili Mohd Zainordin ketika ditemu ramah Bernama berkata Pembangunan Semula Pasar Dato' Keramat dijangka bermula seawal 2024 secara berfasa.

Beliau berkata mengikut perancangan, tapak Perumahan Awam (PA) Perlis Satu bersebelahan Pasar Dato' Keramat lama akan dibangunkan dengan pasar yang lebih moden dan dilengkapi kemudahan parkir bertingkat selain ruang untuk pasar basah, kering yang boleh menempatkan 333 peniaga.

Tapak asal Pasar Dato' Keramat pula akan dimajukan dengan pangsapuri servis yang mempunyai 1,200 unit kediaman dan keseluruhan projek berkenaan mengambil masa lima hingga tujuh tahun. **WK**

## Pertemuan kedua pemain industri ternakan bulan depan

**PERTEMUAN** kedua antara kerajaan bersama pemain industri perternakan bagi mengumpulkan input untuk membantu menangani isu sekuriti makanan akan diadakan awal bulan depan, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), **Datuk Seri Dr Adham Baba**.

Menerusi inisiatif terbabit, Dr Adham berharap MOSTI dapat terus menghubungkan pemain industri dengan teknologi-teknologi sedia ada seperti akuaponik, kecerdasan buatan (AI) dan Internet Benda (IoT) supaya boleh diguna pakai untuk mengurangkan kos pengeluaran mereka.

"Pada Rabu lepas (15 Jun) kita sudah mengadakan pertemuan pertama dengan kementerian terlibat dan seterusnya saya akan bertemu dengan penternak termasuk Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) pada awal bulan depan.

"Sebenarnya ada dua pendekatan boleh diambil dalam hal ini

iaitu dengan bertemu mereka atau mereka sendiri (pemain industri) hadir ke tapak tertentu untuk melihat bagaimana teknologi sedia ada itu boleh digunakan sepenuhnya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Mesyuarat Rangkaian Nasihat Sains Asia Tenggara (*Sea San*). - **BERNAMA**



### Terima kasih RapidKL

TAHNIAH dan syabas kawan-kawan Kedai Kopi ucapan kepada RapidKL kerana bermurah hati memberi 'hadiyah' kepada orang ramai menikmati perjalanan percuma untuk semua pengangkutan awam di bawah syarikat berkenaan di ibu negara selama sebulan mulai 16 Jun.

Ini termasuk perjalanan bas RapidKL, Aliran Transit Ringan (LRT), Mass Transit (MRT) dan monorel. Hadiyah untuk para pengguna ini adalah sempena perasmian perkhidmatan MRT Putrajaya Fasa 1 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pada tarikh tersebut.

Kawan-kawan Kedai Kopi gembira kerana perjalanan percuma ini untuk tempoh lama. Sekalipun RapidKL akan kehilangan banyak sumber pendapatan, ia adalah sebagai menghargai sokongan orang ramai di samping bersyukur Fasa 1 MRT Putrajaya sudah beroperasi.

Fasa 1 ini akan menghubungkan stesen Kwasa Damansara hingga ke Kampung Batu, merentasi 12 stesen semuanya dengan jarak 17.5 kilometer. Pada waktu puncak, tren akan tiba setiap empat minit. Setiap perjalanan mampu membawa sehingga 1,200 penumpang.

Fasa 11 dari Kampung Batu ke Putrajaya

dijangka siap sepenuhnya dan beroperasi pada Januari 2023, merentasi 36 stesen dari Kwasa Damansara ke stesen terakhir di Putrajaya pada jarak 58 kilometer.

Menjelang tarikh itu lengkaplah sistem MRT dari Damansara ke pusat pentadbiran negara walaupun sebelum ini berlaku kelewatan permulaan operasi Fasa 1 lantaran beberapa masalah teknikal yang berbangkit.

Perkhidmatan MRT Putrajaya memberi pilihan kepada orang ramai ke sana menggunakan pengangkutan awam dengan lancar kerana tidak tertakluk kepada kesesakan jalan raya jika berkenderaan sendiri. Juga tidak perlu memikirkan mencari parkir.

Kawan-kawan Kedai Kopi memang lebih suka orang ramai menggunakan pengangkutan awam kerana ia boleh membantu mengatasi kesesakan lalu lintas di ibu negara. Laluan MRT Putrajaya adalah satu lagi usaha mencapai matamat ini.

Namun pengangkutan awam wajar terus diperkasa dan ditambah baik. Apabila ia mampu mencapai tahap efisien, kawan-kawan Kedai Kopi percaya orang ramai tidak lagi berminat membawa kenderaan sendiri, tetapi menggunakan pengangkutan awam untuk apa juga urusan sehari-hari mereka.

### Ramai masih tertipu

SIMPATI sungguh kawan-kawan Kedai Kopi dengan nasib yang menimpah ramai orang

akibat terpedaya dengan penipuan atas talian atau *online scam*. Hampir saban hari media melaporkan kejadian penipuan sehingga melibatkan kerugian puluhan, ratusan ribu, malah berjuta ringgit.

Kawan-kawan Kedai Kopi tertanya-tanya, adakah mereka yang masih mudah ditipu ini langsung tidak mengetahui perkembangan semasa? Tidakkah mereka tahu dan sedar apa yang berlaku di sekeliling?

Tidakkah mereka pernah membaca laporan mengenai kes penipuan atas talian dan bagaimana kaedah atau modus operandi penipu ketika menjalankan tugas licik memperdaya bakal mangsa?

Mereka juga mungkin tidak sedar peringatan dan panduan yang diberi oleh pihak berkuasa bagi menangani karenah panggilan palsu daripada penipu ini. Semuanya bertujuan agar orang ramai berwaspada daripada masuk dalam jerat penyangak.

Rasanya jika mereka memahami peringatan ini, apabila menerima panggilan palsu bertujuan untuk menipu, mereka akan segera tahu mengenainya dan tidak akan melayan panggilan berkenaan. Sebaik-baiknya terus letakkan telefon.

Jangan diberi peluang kepada penipu melanjutkan perbuatan. Perbuatan berpanjangan akan memberi kesempatan kepada mereka memasukkan jarum sehingga mangsa menjadi takut. Kaedah penipuan mereka begitu

menyakinkan sehingga menimbulkan cemas kepada mangsa sarasan.

Mereka berjaya menguasai minda serta meracuni fikiran mangsa sehingga mereka benar-benar takut dan menurut sahaja apa yang dikatakan oleh penipu. Ini termasuk memberi segala maklumat peribadi atau menyalurkan wang dalam akaun tertentu apabila diminta. Tahu-tahu duit dalam akaun sudah menyusut dengan banyak.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, jika 'bakal mangsa' menerima panggilan tidak dikenali, malah mendakwa daripada agensi kerajaan, bank, mahkamah dan sebagainya, ketahuilah itu adalah panggilan untuk memperdaya.

Ini kerana seperti selalu diperingatkan oleh pihak polis, jabatan kerajaan, bank dan sebagainya tidak akan menjalankan urusan rasmi dengan orang ramai melalui telefon. Jangan layan. Kegagalan menghayati peringatan ini boleh menyebabkan mereka menjadi mangsa.

Apabila sudah masuk dalam perangkap dan sejumlah besar wang lenyap, barulah membuat laporan polis. Namun sayang ini sudah terlambat. Bukan mudah untuk mendapat kembali wang kerana sukar mengesan siapa *scammer* terlibat.

Kerana itu sebaik-baiknya ambil iktibar daripada kejadian yang menimpa orang lain. Jangan sampai terkena pada diri sendiri. Jangan diulangi kesilapan mereka. Kita semua wajar sentiasa beringat sebelum kena, dan bukan setelah nasi menjadi bubur.

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@ayasanwp.org.my

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com

Deel Anjer  
deelanjer6@gmail.com

Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com

Hazirah Halim  
hazirahwilayahku@gmail.com

Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annur  
affandywilayahku@gmail.com

Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
aminwkt@gmail.com  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
syuqqreewilayahku@gmail.com

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@ayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm8686@gmail.com

#### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
roslee@ayasanwp.org.my



**PELAN  
PEMULIHAN  
PELANCONGAN  
2022  
(PRE2.0)**



**MELALUI**



## **PENGANGKUTAN DARAT**

**DAPATKAN !  
DISKAUN TIKET KERETAPI**

**ERL RM10  
KTMB RM15**

**Tempoh kempen  
29 April - 30 November 2022**

\*Tertakluk pada terma dan syarat



[www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel)

# Mengenang krisis kewangan 1998



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**P**ADA tahun 1990-an saya hanya mampu menunggang motor kapcai Honda C70 yang dibawa dari kampung.

Dibeli dengan hasil duit mengambil upah membanting padi dan dibayar secara ansuran. Membeli motor kapcai adalah pencapaian peribadi paling tinggi ketika di kampung.

Di Kuala Lumpur motor kapcai itu adalah kaki saya. Realiti hidup ‘orang-orang kecil’ seperti saya diterima dengan hati yang tabah. Biarlah basah ketika hujan dan terbakar oleh panas matahari, hidup diteruskan demi anak-anak yang masih kecil.

Ketika itu banyak kawan-kawan saya sudah ada kereta mewah - BMW tiga siri, Mercedes selain Citreon. Dulu mereka pun menunggang kapcai seperti saya. Tetapi hidup berubah dan menikmati kesenangan apabila ekonomi negara mencatat kemuncaknya pada awal dekad 1990-an.

Mereka semua itu adalah kawan-kawan yang baik. Tidak pernah menjarakkan diri, apatah lagi melupakan selepas berada di puncak kejayaan. Kami tetap berkawan seperti dulu walaupun kapcai dan BMW ibarat pipit dan enggang yang tidak boleh terbang bersama.

Ada juga yang mempelawa saya menyertai mereka dalam bidang hartanah dan saham. Bekerja dengan orang politik arus perdana pun boleh mengkayakan.

Ketiga-tiga bidang-bidang itu memang sangat mengujakan, meletup-letup dan labanya boleh membuatkan kita jadi ‘kelam mata.’ Itulah hasil daripada gelembung ekonomi negara awal dekad 1990-an.

Walaupun begitu saya tidak ada kemahiran, tambahan pula sudah bertekad hanya mahu menjadi wartawan. Bidang yang sudah serasi berbanding yang lain. Apa lagi untuk bekerja dengan politik, terasa amat asing walaupun mudah menjadi kekayaan.

Itulah dekad paling gemilang yang pernah saya saksikan ketika merantau di Kuala Lumpur. Pada awal 1990-an banyak saham yang melambung-lambung,



KRISIS ekonomi Asia 1997, 1998 antara cabaran ekonomi terbesar yang pernah dihadapi negara.

ekonomi juga sangat berkembang dan banyak yang bercakap pasal projek berjuta-juta ringgit di dalam tangan mereka. Duit, duit, duit di mana-mana saja.

Saham Utusan Melayu ketika mula disenaraikan di BSKL pada awal 1990-an dibuka dengan harga RM1.50 seunit.

Tetapi dalam masa yang singkat melonjak hingga RM8. Banyak juga bos-bos besar Utusan Melayu menjadi jutawan dalam sekilip mata. Saya hanya melihat sajalah.

Masa yang sama juga berdirinya beberapa projek mega yang menelan belanja berpuluhan bilion ringgit. Maka berdirilah KLCC, KLIA dan pusat pentadbiran baharu Putrajaya.

Seingat saya indeks pasaran saham KLCI ketika itu melonjak dari 600 mata pada 1990 kepada parat tertinggi 1,200 mata pada awal 1997. Apa lagi banyaklah yang berhenti kerja untuk menjadi remisier sepenuh masa. Ituah kelebihan mereka yang mempunyai kemahiran dalam bidang saham.

Tidak hairanlah kalau mereka yang menjadi remisier boleh memiliki kereta mewah yang saya tidak mampu untuk bermimpi.

Malah takut untuk bermimpi sesuatu yang terlalu aneh untuk digapai. Bagi kawan-kawan itu bukan mimpi, mereka sudah benar-benar memiliki.

Saya tetap sama juga. Kapcai menjadi teman setia ke mana-mana sahaja – dalam hujan, panas malah banjir sekalipun.

Tetapi sesekali melihat kawan-kawan dengan kereta

mewah, mimpi liar pun meraya ingin menjadi seperti mereka. Cepat-cepat dicantas supaya mimpi itu tidak terus mendera.

Walaupun begitu ada kalanya tidak sampai petang dan berlaku hujan ribut waktu tengah hari. Saya pun tidak pernah terfikir akan berlaku ribut petir dalam keadaan ekonomi yang cerah dan benderang itu. Akibatnya banyak yang punah-ranah dalam keadaan tidak bersedia.

Sepanjang berkerja di Kuala Lumpur sudah hampir empat dekad atau lebih tepat lagi 38 tahun, rempuhan krisis ekonomi Asia pada 1997 dan 1998 adalah yang paling traumatis.

Sangat memberikan kesan pada emosi. Ganasnya tidak berperikemanusiaan. Walaupun tidak terkesan secara langsung, tetapi dua tahun itu melihat sendiri sengsara orang di sekeliling saya – kawan-kawan yang amat saya kenali.

Pada awal 1997 Thailand telah diserang oleh spekulator mata wang yang membuatkan mata wang Baht merudum.

Kerajaan Thailand terpaksa mengambil langkah menyelamatkan mata wang. Thailand hanya ‘sebelah pintu’ sahaja dengan negara kita.

Ribut dan gelora yang berlaku di sana pantas sahaja diterima di negara kita. Mata wang kita juga ikut bergoyang dan hampir kecundang. Pada Jun 1997 nilai AS\$1 bersamaan RM2.50. Kemudian ringgit menjunam hingga RM4.60 untuk AS\$1. Itupun selepas kerajaan menggunakan lebih kurang AS\$1.5 bilion untuk mengikat

“Walaupun begitu ada kalanya tidak sampai petang dan berlaku hujan ribut waktu tengah hari. Saya pun tidak pernah terfikir akan berlaku ribut petir dalam keadaan ekonomi yang cerah dan benderang itu. Akibatnya banyak yang punah-ranah dalam keadaan tidak bersedia.

ringgit dengan nilai 3.80 bersamaan AS\$1.

Akibatnya pada 1997 sahaja sebanyak 18,863 orang telah dibuang kerja dan menjadi penganggur. Keadaan yang lebih teruk berlaku apabila jumlah itu meningkat sebanyak 345 peratus menjadi 83,865 orang pada 1998.

Bayangkan dalam sekilip mata 83,865 orang menjadi penganggur dan peluang mendapat kerja terlalu nipis.

Banyak kawan-kawan menjadi penganggur dalam sekilip mata. Bayangkan apabila kedua-dua suami dan isteri menerima nasib malang kehilangan kerja dengan simpanan yang tidak seberapa.

Sekilip mata juga kehilangan rumah dan kereta kerana tidak mampu membayar sewa dan ansuran.

Kawan-kawan yang dulunya menjadi remisier juga kehilangan kerja. Apabila ekonomi merudum, saham juga menjunam. Remisier kehilangan pendapatan sepenuhnya. Mereka juga hilang rumah dan kereta mewah.

Untungnya sesetengah dalam kalangan mereka yang tidak pernah lupa daratan ketika tinggi di awan.

Ketika itu giliran saya pula untuk terus mendampingi mereka yang kembali menumpang bas mini. Banyak cerita pilu disebalik gemerlap ketika berada di puncak.

Saya tidak mampu menolong apa-apa kecuali berada bersama-sama dan bersimpati. Tidak kurang juga yang terpaksa balik ke kampung memulakan hidup baru.

Kecuali Utusan Melayu, banyak syarikat korporat lain mengambil langkah mengecilkan jumlah pekerja. Ini termasuk organisasi media dan hartanah.

Seingat saya tidak ada seorang pun pekerja Utusan Melayu diberhentikan kerana krisis kewangan Asia. Saya adalah salah seorang yang bernasib baik itu.

Ketika itu anak sulung saya berusia sembilan tahun, kedua berusia lapan tahun dan yang bongsu berusia enam tahun.

Mereka tidak seperti kanak-kanak lain yang mewah, sebaliknya hidup sederhana dan makan apa yang ada. Terasa sebak apabila membayangkan saya di tempat kawan-kawan yang kehilangan kerja.

Zaman yang penuh getir itu melonjakkan harga barang keperluan itu di luar jangkaan.

Tetapi saya sangat bersyukur kerana masih punya kerja walaupun bergaji kecil dan hanya mampu menunggang motor kapcai. Saya telah disekolahkan oleh pengalaman yang tidak ternilai harganya.

## SAJAK

### SETELAH SENJA PULANG KE PANGKAL MALAM

Sejak pulang dari kota aku tidak lagi mengepul asap di hujung bibir awan kulihat bertambah indah senja berhujan runduk pulang ke pangkal malam

Sejak pulang dari kota aku tinggalkan hitam di sana bersama-sama malam walaupun tak berbintang namun kota masih terang

Di hujung petang pasti senja datang walau diselubungi dingin hujan aku pulang membasuh kaki menanggalkan debu kenangan

Sebelum melangkah ke serambi musolla yang makin kehilangan rakan dan kawan selepas kita mengecapi bahagia melupakan duka panjang

Ada teman yang pulang tak kembali ada rakan yang tak datang-datang setelah menikmati erti kebebasan perlahan-lahan aku melangkah mencari erti di hujung senja

**Mamu MK Hasny**  
Anjung Karyawan Lekir

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Pupuk minat membaca, buku teman setia

**M**EMBACA kunci ilmu. Namun minat membaca di kalangan rakyat Malaysia dikatakan agak rendah. Membaca tidak menjadi budaya. Sikap ini sudah bagai melekat pada diri.

Namun ini tidak bermakna usaha memupuk minat membaca harus terhenti. Sebilangan besar masih tetap berminat kepada buku. Semangat mencintai buku ini nyata bersesarkan seperti terserlah pada sambutan hangat Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2022 dari 3 hingga 12 Jun lalu.

Pesta yang bertujuan mendekatkan orang ramai dengan buku itu mendapat sambutan luar jangkaan. Matlamat pengajur ialah kehadiran 700,000 pengunjung. Namun sehingga hari terakhir pesta, kehadiran yang dicatatkan ialah 1.3 juta.

Dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pesta diadakan dengan kerjasama persatuan-persatuan industri buku Malaysia. Perasmian dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Pesta Buku tahun ini dianggap istimewa kerana ia pertama kali diadakan dalam bentuk 'bersemuka' setelah dua tahun diadakan secara *online* lantaran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19.

Sebanyak 700 gerai disediakan, melibatkan 167 pempamer dari dalam dan luar negara, merangkumi penerbit tempatan dan antarabangsa. Antaranya dari Indonesia, Singapura dan Turki. Ini menyerlahkan minat peserta luar dan secara tidak langsung menggambarkan kehebatan PBAKL sehingga ke peringkat antarabangsa.

Pengajuran pesta yang ke-39 dalam siri PBAKL pada musim cuti sekolah bertambah meriah dengan kehadiran ramai ibu bapa membawa anak-anak melawat serta membeli bahan bacaan yang bersesuaian.

Bagi Adi, kehadiran lebih sejuta pengunjung bukan sahaja menampakkan orang ramai rindu setelah dua tahun berlalu tidak 'berpesta buku', tetapi juga menampakkan minat membaca masih tinggi di kalangan mereka.

Era internet dikatakan antara punca utama minat terhadap buku berkurangan. Sikap 'ulat buku' dikatakan terhakis kerana ramai menjadikan internet dan media sosial sebagai sumber rujukan utama.

Mereka dikatakan berpindah kepada internet untuk memperoleh maklumat spesifik yang diperlukan. Mereka hanya mencari maklumat yang dikehendaki, tanpa peduli untuk



SAMBUTAN hangat PBAKL 2022 menunjukkan minat membaca dalam kalangan rakyat masih tinggi.

menimba pelbagai ilmu lain dengan lebih mendalam.

Sekali pun maklumat dikehendaki diperoleh, pada Adi, tidak sama seperti merujuk kepada buku yang maklumatnya diyakini lebih berautoriti kerana ditulis oleh tokoh mahir dalam bidang masing-masing.

Passaran buku atau majalah masa kini memang suram kerana minat membeli sudah semakin menurun. Jika melibatkan buku atau majalah serta bahan ilmiah, lagi sukar untuk menarik minat pembaca.

Kerana itu ramai penerbit buku berundur. Ini termasuk syarikat ternama yang walaupun telah begitu lama terlibat dalam industri buku dan majalah, terpaksa gulung tikar dan mengucapkan selamat tinggal kepada dunia yang tidak lagi memberi jaminan untuk mereka *survive*.

Bisnes buku dianggap bukan lagi perniagaan yang menguntungkan seperti suatu ketika dahulu, khususnya sebelum kedatangan internet. Mana mampu untuk terus bertahan sedangkan kos operasi serta kos penerbitan begitu tinggi.

Adi secara peribadi diberitahu oleh rakan-rakan dalam penerbitan buku betapa

mereka terpaksa menghentikan penerbitan buku ilmiah, jurnal atau majalah kerana tidak mampu lagi menanggung kos yang tinggi sedangkan pulangannya sangat mengecewakan.

Justeru Adi melihat PBAKL baru-baru ini bagi satu harapan baharu kepada industri buku di negara ini. Jika sambutan hangat pengunjung boleh dijadikan sebagai kayu ukur, masih ada hari esok untuk industri buku di Malaysia.

Untuk itu, minat membaca mestilah dipupuk dan ditanam dalam diri individu sejak masih di peringkat sekolah lagi. Dengan itu semakin mereka menuju usia dewasa, minat ini akan terus subur dan membaca menjadi amalan yang tidak dapat ditinggalkan.

Membaca bukan bermakna hanya terhad kepada membaca buku-buku teks sekolah atau Institusi Pengajian Tinggi. Untuk mempertajam minda dan menambah ilmu perlulah membaca buku dalam pelbagai disiplin. Ini akan menjadi sumber pengetahuan am yang sangat berguna, khususnya kepada pelajar.

Malah membaca novel pun digalakkan agar minda santai, tidak hanya dibebankan dengan

**“ Bagi Adi, kehadiran lebih sejuta pengunjung bukan sahaja menampakkan orang ramai rindu setelah dua tahun berlalu tidak ‘berpesta buku’, tetapi juga menampakkan minat membaca masih tinggi di kalangan mereka.**

buku akademik atau bahan bacaan serius. Seringkali dalam bahan bacaan santai pun ada banyak ilmu boleh ditimba.

Amat wajar sekali orang ramai menghayati nasihat Ismail Sabri pada perasmian PBAKL, iaitu budaya membaca di negara ini mesti dikekalkan. Kegagalan berbuat demikian bakal membunuh industri buku dan karyawan.

Ingatan ini memang tepat kerana seperti yang disebut, industri buku kini suram. Kesuraman ini seterusnya menyebabkan kesuraman di kalangan karyawan dan penulis. Mereka tidak lagi dapat berkarya lantaran hasil karya tidak mendapat sambutan. Sumber rezeki mereka turut terjejas.

Malah, memetik Ismail Sabri, dikhawatir kegagalan mengekalkan budaya membaca akan menghancurkan usaha kerajaan membina negara serta bangsa berjaya. Ini tidak dapat dinafikan kerana membaca adalah sumber ilmu. Tanpa ilmu sukar untuk mencipta kejayaan dan kemajuan diri serta memacu kejayaan negara.

Kerana itu beliau memberi komitmen kerajaan akan terus menyokong PBAKL, pesta-pesta buku serta sebarang aktiviti berkaitan perusahaan pendidikan bagi memperkasa budaya membaca Keluarga Malaysia, menjadikan mereka ceklik ilmu.

Adi sendiri percaya, membaca dapat membentuk sahsiah diri serta membentuk seseorang menjadi individu berbudi pekerti tinggi, mulia dan unggul. Ia mampu mewujudkan kelompok masyarakat yang bukan sahaja tinggi ilmu tetapi bertamadun.

Masyarakat berilmu dan bertamadun akan dihormati dan dipandang tinggi oleh orang lain. Dengan itu negara mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara lain. Inilah yang kita mahu dan kunci utamanya ialah dengan banyak membaca.

Adalah

diharap dengan bertambah suburnya minat membaca, akan menyuburkan industri buku serta menjadikannya sebagai sektor perniagaan yang memberi pulangan menang-menang. Pembaca memperoleh ilmu sementara penerbit pula beroleh untung yang membolehkannya untuk terus bertahan dalam industri membekalkan sumber ilmu berterusan. Pada masa sama penulis juga dapat terus berkarya dan mencari rezeki.

Sehubungan itu pengarang, penerbit dan semua yang terlibat dalam industri buku dapat berganding bahu menghasilkan bahan bacaan berkualiti untuk memperkasa industri perbukan negara. Koleksi buku negara juga akan bertambah sebagai rujukan berguna untuk generasi masa kini dan akan datang.

Adi percaya, apabila industri buku subur dan sambutan pembaca menggalakkan, ia akan menghilangkan keraguan penulis dan penerbit buku-buku ilmiah lantaran bahan-bahan tersebut sukar menembusi pasaran. Sebaliknya, mereka akan lebih bersemangat menghasilkan karya sedemikian.

Yang diharapkan ialah semangat membaca terus tertanam. Jadikan buku teman setia sepanjang masa. Selagi ada ruang, membacalah baik di dalam bas, Transit Aliran Ringan (LRT), monorail dan sebagainya. Ini lebih baik daripada termenung atau berbual kosong yang tidak memberi pulangan ilmu.

**Adi—Baca sebelum tidur**

*Adi Feah*

**SAJAK**

## WARNA KOTA

Kota ini pandangan dari luar jendela berwarna-warni bagaikan sang pelukis membina hutan-hutan batu, alurnya kian sempit biarpun kelambu lama masih tersingkap di laman

Kota ini mencerita berbagai cerita, lakunya kian viral muka-muka asing menjalar di bari lorong membina khidmat di pasar borong di kerangka bangunan di pasar raya

Kota ini masih gah menyantun budi, tanpa peduli hadirnya penghuni jalanan dulu terbiar kini makan tersedia, pakainya berganti tidurnya berbantal

Kota ini sekali air bah akankah berubah?

**Abdul Aziz Ali**  
Ipoh Perak

## SKETSA



YWP, Parlimen Wangsa Maju bantu pelajar B40

# Dana RM50,000 kepada setiap parlimen

HAZIRAH HALIM

**S**ERAMAI 500 pelajar golongan B40 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur gembira menerima bantuan khas persekolahan menerusi Program Bantuan Khas Persekolah YAYASAN Wilayah Persekutuan, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun** memaklumkan sumbangan itu merupakan kerjasama YWP dengan Parlimen UMNO Bahagian Wangsa Maju bagi mengurangkan beban perbelanjaan ibu bapa.

Kata beliau, setiap penerima memperoleh sumbangan berupa dua unit beg sekolah dan wang tunai bernilai RM100 seorang.

"YWP terpanggil untuk membantu mengurangkan beban ibu



ZAIZNIZAM

bapa daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana dalam menyediakan kelengkapan sekolah anak-anak. Kita faham di awal persekolahan banyak bayaran yang perlu diselesaikan.

"Antaranya bayaran tambahan persekolahan, yuran, pembelian alat tulis dan sebagainya," ujar beliau bagi pihak Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Tambah beliau, dengan kerjasama Parlimen Wangsa Maju dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Wangsa Maju, bantuan tersebut diharapkan dapat meningkatkan prestasi serta semangat pelajar untuk hadir ke sekolah.

"YWP menyalurkan dana sebanyak RM50,000 kepada setiap pimpinan masyarakat sebagai bantuan pengajuran bantuan khas persekolahan peringkat Wilayah Persekutuan."

"Kita terus bekerjasama dengan



WAJAH gembira pelajar dan ibu bapa sejurus menerima bantuan persekolahan, baru-baru ini.

barisan kepimpinan masyarakat di Wilayah Persekutuan bagi membantu warga kota memerlukan tanpa ada yang terkecuali untuk menerima bantuan," kata beliau.

Dalam pada itu, Zaizalnizam berkata pada tahun ini, YWP turut memfokuskan Skim Bantuan Awal Kemasukan IPT merangkumi pem-

belajaran dalam dan luar negara.

"Kita bantu dari segi perbelanjaan awal iaitu peringkat Diploma sebanyak RM500; Ijazah Sarjana Muda pertama, RM1,000; Sarjana RM1,500 dan peringkat Doktor Falsafah (PhD) RM5,000 manakala pengajian luar negara peringkat Ijazah pertama seban-

<b>ADUAN</b> <b>DBKL</b> Tel : 03-2617 9000 <b>Perbadanan Putrajaya</b> Tel : 03-8000 8000 Aduan : 03-8887 3000 <b>Perbadanan Labuan</b> Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852 <b>Wilayahku</b> WhatsApp : 011-5958 7489
---

yak RM3,000; Sarjana RM4,000 dan Doktor Falsafah RM5,000," jelas beliau.

Terdahulu, sumbangan bantuan yang berlangsung di Dewan Shazac Bestari, Kompleks Yayasan Wangsa Perdana, Setapak pada 19 Jun lalu disampaikan Ketua Ahli Parlimen Wangsa Maju, Datuk Seri Dr Shafei Abdullah. **WK**

## Bank Islam tawar 10,000 kad kredit tema FIFA

BANK Islam Malaysia Berhad dengan kerjasama Visa menawarkan 10,000 kad kredit i-Visa edisi terhad bertemakan FIFA kepada pelanggan baharu dan sedia ada bersempena kejohanan bola sepak Piala Dunia 2022 di Qatar.

Bersempena pelancarannya juga, Bank Islam menganjurkan satu kempen istimewa buat pemegang kad kredit i-Visa edisi terhad yang memberi peluang memenangi pengalaman terbang ke Qatar untuk menyaksikan perlawanan Piala Dunia FIFA 2022 secara langsung dengan tajaan Visa.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan (Runcit) Bank Islam, **Mizan Masram** berkata, kempen tersebut bermula mulai 15 Jun sehingga 30 September ini yang membolehkan pemegang kad me-

menangi hadiah seperti tiket perlawanan dan penerbangan pergi-balik untuk dua orang, penginapan serta wang tunai bernilai RM10,000.

"Pelanggan layak menyertai kempen ini dengan mengaktifkan kad edisi terhad atau mengumpul kelayakan penyertaan dan berbelanja pada nilai minimum RM200 dalam satu resit menggunakan kad ini sepanjang tempoh kempen," katanya.

Tambahnya, memandangkan perlawanan tersebut dijadualkan berlangsung tahun ini, beliau amat berbesar hati dan berbangga kerana dapat bekerjasama dengan visa dan menjadi sebahagian daripada acara terkemuka dunia menerusi penawaran kad kredit i-Visa edisi terhad FIFA.

Katanya lagi, kad kredit ini mempunyai reka bentuk menarik dengan menampilkan trofi Piala Dunia FIFA pada bahagian latar kad serta menawarkan pelbagai manfaat yang direka khusus untuk pemegang kad.

"Selain itu, di samping berpeluang memenangi pengembaraan menakjubkan di Qatar, pemegang kad juga mendapat perlindungan takaful percuma bagi baki kad dan ganjaran TruPoints setiap RM1 yang dibelanjakan menggunakan kad ini serta layak menikmati pengecualian fi tahunan dengan 12 transaksi minumum setiap tahun," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengurus Negara Visa Malaysia, Ng Kong Boon menzahirkan rasa gembira di atas kerjasama ini dan mengharapkan rakyat Malaysia akan



KAD kredit i-Visa edisi terhad sempena FIFA.

memanfaatkan pengalaman yang ditawarkan dengan memohon kad sekali gus merebut peluang memenangi tiket menonton perlawanan Piala Dunia secara langsung di Qatar serta barang eksklusif FIFA yang menarik.

Sebarang permohonan bagi Kad Kredit i-Visa bertemakan FIFA ini boleh dibuat di cawangan Bank Islam berhampiran dan mengunjungi laman web [www.bankislam.com/qatar](http://www.bankislam.com/qatar) untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kad ini. **WK**

## Jelajah MYStartup Roadshow di Sarawak perkasa ekosistem pemula niaga

SIRI Jelajah MYStartup Roadshow anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi agensi dibawahnya Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle) diteruskan ke Kuching, Sarawak pada 23 dan 24 Jun lalu.

Jelajah yang berlangsung di TEGAS Digital Village, Sama Jaya High Tech Park, Kuching Sarawak bermula pukul 9 pagi hingga 6 petang itu disertai oleh Menterinya, Datuk Seri Adham Baba, pemain-pemain ekosistem pemula niaga dari Lembah Klang serta kawasan yang bertapak di Sarawak dan kawasan berdekatan.

MOSTI dalam satu kenyataan

berkata, jelajah tersebut mengetengahkan pemegang taruh lain di dalam ekosistem pemula niaga Malaysia seperti Microsoft Word, Cyberview dan Beyond4 semasa program sesi ramah di hentian siri jelajah berkenaan.

"Turut diadakan, sesi penerangan Pelan Hala Tuju Ekosistem pemula niaga (SUPER), kaedah-kaedah penyertaan program bagi para Pemula Niaga, kriteria-kriteria memohon geran, pemadanan perniagaan dengan dana bersesuaian, sesi networking dan pelbagai bengkel lain," katanya yang turut

mengatakan Kuching adalah henitian pertama di luar Semenanjung Malaysia dan keempat di dalam siri Jelajah MYStartup.

Tujuan program tersebut diadakan untuk memperkasa ekosistem dan komuniti pemula niaga di Malaysia melalui pengisian yang menumpukan kepada pembangunan serta perkembangan pemula niaga secara mampan, kapasiti dan modal insan.

"Ia juga adalah sebahagian daripada usaha memastikan komuniti pemula niaga di Sabah dan Sarawak tidak terkecuali daripada menyertai

dan mendapat manfaat menerusi acara pemerkasaan pemula niaga melalui program ini," katanya.

Seperti jelajah sebelum ini, siri kali ini turut mendapat sokongan daripada rakan komuniti dan teknikal antaranya TEGAS Digital Village, Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC), iCube Innovation, Sarawak Media Group (SMG) dan lain-lain.

"Kerjasama antara MOSTI, Cradle dan pemegang taruh Ekosistem Start-up Malaysia menunjukkan iltizam dalam memanifestasikan usaha dan komitmen kerajaan bagi memastikan keluarga Malaysia mendapat man-

faat melalui usaha pemerkasaan dan pembangunan pemula niaga negara.

"Melalui usaha ini juga, impian mahu menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama buat para pengasas dan syarikat luar untuk bertapak dan memulakan operasi dapat direalisasikan sekali gus merancakkan lagi ekonomi negara," jelasnya yang mahu mewujudkan sebuah ekosistem pemula niaga terangkum dan kondusif.

Terdahulu, Siri Jelajah MYStartup Roadshow di Sarawak adalah jelajah berterusan daripada siri sebelumnya iaitu di Pulau Pinang pada 23 dan 24 Mei lalu. **WK**

REALITI KEHIDUPAN



24 - 30 JUN 2022 . BIL 170

Wilayah Ku

## Kebun Komuniti

# Iestari sekuriti makanan



Imbas kod QR  
untuk tonton  
video

**I**SU kenaikan harga barang dilihat semakin meruncing ketika ini. Situasi ini tambah membenggu rakyat dan membimbangkan apabila banyak spekulasi mengatakan negara bakal berada di ambang krisis makanan.

Bukan sahaja harga ayam malahan kini harga sayur-sayuran juga semakin meningkat sehingga membawa tekanan dan terbeban kepada golongan B40 khasnya. Malah, kenaikan harga barang asas ini juga turut memberi kesan kepada barang keperluan.

Peka dengan rintihan rakyat, kerajaan melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini mengumumkan lima langkah bagi menjamin ekosistem

sekuriti makanan negara ke arah inklusif dan menyeluruh.

Malah, dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang dipengerusikan beliau turut memaklumkan, kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam usaha menambah keluasan tanah bagi kegunaan pertanian untuk mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

Menyahut seruan tersebut, Bahagian Hortikultur dan Pertanian Bandar Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya (PPj) semakin giat memperkasakan sekuriti makanan di Putrajaya melalui Kebun Komuniti yang diusahakan penduduk setempat.

WK



AINI MAWAWI

**K**EBUN Komuniti yang diusahakan penduduk setempat khususnya di Putrajaya hampir 10 tahun lalu dilihat semakin berkembang dan mampu menjana pendapatan penduduk selain penganugerahan di peringkat ASEAN.

Malah, kini hasil daripada 13 buah Kebun Komuniti tersebut juga turut dikomersialkan dan dipertingkatkan dengan teknologi terkini sekali gus menuju ke arah *Plant Factory* atau kilang tanaman.

Menurut Pengarah Bahagian Hortikultur dan Pertanian Bandar Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya (PPj), **Mustafa Kamal Ismail**, objektif utama Program Kebun Komuniti tersebut selari dengan salah satu langkah kerajaan menjamin ekosistem sekuriti makanan.

Ini kerana PPj sendiri menggalakkan pertanian pintar selain meningkatkan hasil pertanian yang disokong melalui penggunaan tanah terbiasa dan wakaf yang terdapat di sekitar Putrajaya untuk pertanian bandar tersebut.

"Program ini sebenarnya telah bermula sejak 2008 yang mana ketika itu ia dikenali sebagai Kempen Bumi Hijau. Pada tahun 2013 kita telah menjenamakan semula kepada Kebun Komuniti Putrajaya.

"Objektif utama kita adalah untuk memberi pendapatan sampingan kepada komuniti setempat selain menjadikan ia aktiviti berfaedah buat penduduk bagi mengisi masa lapang yang ada daripada dibuang begitu sahaja.

"Namun ternyata usaha tersebut tidak sia-sia kerana dengan hasil kebun tersebut mereka tidak perlu lagi ke pasar selain turut memperolehi hasil tanaman yang segar bebas dari bahan kimia seperti racun serangga," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Antara hasil tanaman yang diusahakan oleh Kebun



MUSTAFA KAMAL

# PPj galak pertanian pintar, komersial tanaman komuniti



AHLI Kebun Komuniti Presint 16 teruja dengan hasil terung.

Komuniti tersebut adalah cili, kangkung, bayam, *rock melon*, madu kelulut serta produk hiliran berdasarkan hasil pertanian yang lain seperti *Bayam Brazil Crispy* dan sebagainya.

"Sebagai contoh buah *rock melon* dari Putrajaya adalah antara yang terbaik kerana kita sentiasa kawal dari segi kualiti dan sebagainya selain dalam usaha untuk menjadikan setiap Kebun Komuniti yang terlibat sebagai hab.

"Kita dalam perancangan untuk jadikan Kebun Komuniti 11 sebagai hab tembikai, Kebun Komuniti

Presint 16 sebagai hab halia selain yang terbaru di Kebun Komuniti Presint 20, akan dijadikan hab nanas," ujarnya bangga dengan kejayaan madu kelulut Putrajaya yang dikenali sehingga ke luar negara.

Katanya lagi, pihaknya juga telah meluluskan beberapa tapak baharu di Projek Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) untuk mengusahakan tanaman Kebun Komuniti di kawasan tersebut.

"Saya bangga dengan pencapaian Perumahan Penjawat Awam Pudina di mana tak sampai dua tahun mereka sudah mampu

menghasilkan tanaman terung dan cili yang terbaik," ujarnya sambil menjelaskan tanaman di Kebun Komuniti menggunakan penggunaan bahan organik dari segi baja pokok.

Mengulas lanjut tentang perancangan ke arah kilang tanaman, Mustafa Kamal berkata mereka akan bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Putrajaya untuk menggunakan teknologi terkini daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Selain itu, mereka juga turut bekerjasama dengan pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam menggunakan teknologi IoT (*Internet of Things*) sejak bulan Disember tahun lalu antaranya untuk memantau penggunaan air, baja dan sebagainya menggunakan sensor.

## KEMEN 1 JUTA POKOK

TURUT menjayakan Kempen 1 juta pokok di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Bahagian Hortikultur dan Pertanian Bandar Jabatan Landskap dan Taman turut menanam pokok buah-buahan di Taman Wetland, Putrajaya.

"Antara buah-buahan yang ditanam adalah Durian Musang King, IOI, D2 selain rambutan, manggis, jambu yang dijangka akan membawa hasil dalam



ANTARA rumah hijau yang terdapat di Kebun Komuniti.

PERSEDIAAN penanaman *rock melon* untuk dijual pada Floria Diraja Putrajaya 2022.

KEBUN Komuniti 4 Presint 14, Putrajaya.

tempoh empat hingga lima tahun akan datang," ujarnya yang memberitahu sebanyak 10,700 pokok telah ditanam sejak ia dilancar.

Tambahnya lagi, sempena Floria Diraja Putrajaya 2022 yang akan berlangsung selama tujuh hari bermula 29 Ogos hingga 4 September, orang

ramai boleh mengunjungi *Garden Bazar* untuk mendapatkan hasil tanaman Kebun Komuniti.

"Selain jualan tanaman, pengunjung juga boleh mendapatkan peralatan pekebunan di *Garden Bazar* serta jualan produk-produk komuniti," ujarnya lagi. **W.K**





# KKB P16 rangkul anugerah peringkat ASEAN



DIANA AMIR

**D**AHULUNYA kawasan semak samun namun kini, dengan usaha komuniti Presint 16, Putrajaya tanah sekangkang kera itu berjaya dibangunkan sekali gus merangkul Anugerah Penghargaan Placemaking Award 2021.

Pengerusi Kebun Komuniti Bandar Presint 16 (KKB P16),

**Md Naseer Md Isa**, 50, berkata anugerah tersebut bagi meraikan dan mengiktiraf inisiatif serta usaha semua pihak di rantau ASEAN dalam menambah baik, mengindah serta menghidupkan ruang atau kawasan awam sedia ada dengan penampilan yang lebih bersemangat, bertenaga, segar dan inovatif.

"Melalui penglibatan Perbadanan Putrajaya (PPj) dan kerjasama daripada pihak sekolah, tadika berhampiran, komuniti, surau serta rukun tetangga Presint 16 membolehkan kami merangkul

anugerah tersebut," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut, Md Naseer berkata dengan keluasan tanah 0.3 ekar dan kekuatan 23 ahli, mereka menanam pelbagai jenis tumbuhan antaranya pokok renek, paras pinggang, berjunung dan bermacam lagi di mana sebahagian daripada hasilnya akan dikomersialkan bagi membantu menambah pendapatan.

"Di kebun ini kami bahagikan kepada beberapa kawasan tanaman yang ditanam di dalam polibeg, hidroponik dan

kotak tanaman selain terdapat juga tanaman tumbuhan yang boleh dituai setiap bulan tetapi ia memerlukan tempoh yang sangat lama.

"Antara sayuran dituai dalam tempoh satu bulan adalah kangkung, bayam, sawi manakala cili, terung dan timun pula boleh dipetik selepas dua bulan sementara nanas pula mengambil masa enam hingga ke lapan bulan untuk membuat hasil," jelasnya yang turut berkongsi biji benih dan anak pokok seperti bendi, terung serta timun turut dijual dengan harga sekitar RM5.

Tambahnya lagi, mereka juga turut menghasilkan produk hiliran seperti *Bayam Brazil Crispy* yang mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk luar selain madu kelulut yang dijual pada harga RM30 hingga RM70.

Dalam pada itu, Md Naseer turut berkongsi berkaitan perancangan KKB P16 di mana pihaknya akan memberi fokus terhadap pengeluaran produk hiliran yang lebih banyak serta muhun menarik lebih ramai anak muda untuk terlibat dalam aktiviti penanaman pokok ini. **W.K**

## Rantaian makanan lebih pendek, hapus orang tengah

**B**ERBUDI kepada tanah, lambat laun pasti membawa hasil. Itu antara perumpamaan yang boleh digunakan bagi menggambarkan kejayaan Kebun Komuniti Putrajaya.

Menurut Pengerusi Kebun Komuniti 4 (KK4),

Presint 14, **Burhanuddin Mohd Ghazali**, 57, kewujudan Kebun Komuniti Putrajaya amat membantu penduduk setempat terutama golongan B40 ketika ini.

"Kita sedia maklum mengenai kenaikan harga barang ketika ini dan di sini hasil tanaman akan dikomersialkan kepada penduduk setempat dengan harga yang lebih rendah

berbanding pasaran.

"Bagi harga sayur-sayuran, kita akan mengikut harga Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)," kongsinya kepada *Wilayahku* sewaktu ditemui sejurus Program Lawatan dari Persatuan Penduduk Seksyen 8 Prima, Bandar Baru Bangi.

Tambahnya lagi, Kebun Komuniti seperti ini amat bagus di mana komuniti setempat boleh menanam pelbagai jenis tumbuhan yang diingini seterusnya memudahkan urusan sehari-hari penduduk.

"Kita boleh menanam apa sahaja jenis sayuran yang dijual di pasar dan memetik hasilnya untuk dibawa terus ke dapur rumah atau dihidang atas meja makan."

"Apa yang kita sedang lakukan sekarang ini ialah memendekkan rantaian

makanan contohnya penduduk tidak perlu lagi ke pasar selain tiada keperluan orang tengah yang menjadi perantara untuk jualan sayur-sayuran yang belum tentu segar seperti di sini," jelasnya.

Selain itu, Burhanuddin

berkata di KK4 juga turut menjual baja-baja organik, anak pokok serta peralatan pertanian bagi membantu mereka yang mahu bercucuk tanam.

"Kita menjual pelbagai jenis pokok sayur dan herba

termasuk tanah empat dalam satu bagi memudahkan mereka bercucuk tanam sewaktu pandemik tempoh hari," ujarnya yang menggunakan cuka kayu dari segi kawalan racun serangga. **W.K**







# Pemurah, disenangi... Adibah Noor terlalu istimewa



DEEL ANJER

**P**EMERGIAN penyanyi lagu Terlalu Istiemewa, Allahyarhamah Adibah Noor Mohd Omar, 51, pada 18 Jun lalu, ibarat sebuah permata yang hilang tiada gantinya.

Kehilangannya agak 'mengejutkan' ramai kerana arwah memilih merahsiakan penderitaan kanser ovarи tahap empat termasuklah daripada pengetahuan keluarga.



Tidak mahu membuatkan ramai yang risau dengan penyakitnya, Adibah masih mampu tersenyum hingga ke akhir hayat.

Paling mengujakan, sifatnya yang pemurah, baik hati, disenangi ramai dan suka menghiburkan orang menjadi sebutan dan bualan sehingga ke saat ini. Itulah istimewanya insan yang bernama Adibah Noor.

Bermula aktif dalam nyanyian pada tahun 1995, nama Adibah Noor semakin popular dengan lagu Terlalu Istiemewa yang mengisahkan seorang kanak-kanak yang menjadi mangsa individu tidak bertanggungjawab.

Kekal dalam ingatan dan doa, jenazah Adibah Noor selamat dikebumikan pada 19 Jun lalu di Tanah Perkuburan Islam AU2, Taman Keramat, Kuala Lumpur.

Allahyarhamah menghembuskan nafas terakhir di Hospital Gleneagles pukul 7.40 malam, 18 Jun lalu. akibat kanser ovarи tahap empat.

Antara yang hadir bagi memberi penghormatan akhir adalah Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Idris Ahmad; Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil; pelakon dan penerbit, Datuk Hans Isaac; pelawak dan pengarah filem, Datuk Afdlin Shauki; pelakon, Syarifah Amani dan Remy Ishak. **WK**




## "Arwah seorang pemurah" - Ayah

**BAPA** Allahyarhamah Adibah Noor, Mohd Omar Zainal Abidin, 89, menyifatkan anaknya itu seorang anak yang taat dan pemurah.

"Kalau orang lain hendak kata dia kedekut, terpulanglah. Bagi saya arwah okey, semuanya okey (pemurah)."

"Saya tiada apa-apa nak cerita, tiada apa yang hendak dipanjangkan. Mohon doakan yang baik-baik untuk anak saya," katanya.



Mohd Omar juga mengaku tidak pernah tahu penyakit yang ditanggung anak ketiganya itu.

"Saya tak tahu... Arwah tidak beritahu walaupun saya ayahnya. Saya pergi ke hospital pun, dia tidak beritahu," katanya sebaik selesai pengebumian jenazah Allahyarhamah.

## "Tak lokek ilmu" - Siti Nurhaliza

PENYANYI nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza menyifatkan Adibah Noor sebagai

seorang yang tidak lokek ilmu dan disenangi ramai.

"Kak Adibah sepanjang mengenalinya seorang yang sangat disenangi, suka berjenaka, tak lokek ilmu, merendah diri dan penghibur sejati."



"Saya selalu kagum bila dengar arwah bercakap apatah lagi bila menyanyi. Bila dalam satu majlis, saya akan sentiasa ternanti-nanti nyanyian arwah. Istiemewanya arwah," katanya yang turut mendoakan arwah bersama keluarga dan teman-teman artis yang menyertai Majlis Agama Bersama Ustaz Wadi Anuar di rumahnya, baru-baru ini.

## "Kebaikannya terlalu besar" - Nikki Palikat

PENYANYI Nikki Palikat, 37, mendedahkan Allahyarhamah Adibah Noor menjadi penyokong terkuatnya sewaktu mereka sama-sama bertanding dalam Program Gegar Vaganza 8 (GV8).

"Setiap kali pengumuman keputusan, dia akan sentiasa melihat serta memberi isyarat bahawa saya akan dapat

kedudukan teratas. Bahkan, setiap kali naik pentas, dia sentiasa bisikkan kata-kata perangsang. "Kebaikannya terlalu besar kesannya terhadap saya. Rasa sedih sangat apabila mendapat tahu Adibah sudah pergi selama-lamanya," katanya.



## "Tidak berkira soal bayaran" - Hans Isaac

MENURUT pelakon dan pengarah filem terkenal, **Datuk Hans Isaac**, penyanyi yang popular dengan lagu Terlalu Istiemewa itu tidak pernah berkira soal bayaran apabila dijemput untuk menjayakan apa-apa projek.

Sebaliknya, Adibah seorang yang sangat positif dan menyokong rakan-rakan selebriti lain.

"Dia tak pernah cakap fasal mas kahwin (soal

bayaran), (sebaliknya dia kata 'kita buat saja lah Hans'. Dia tak berkira langsung," ujarnya yang mendapat berita pemergian Adibah Noor ketika menonton filem di panggung wayang.

## "Arwah tegas dan ada pendirian" - M Nasir

KOMPOSER dan penyanyi terkenal, **Datuk M Nasir** mengakui personaliti Allahyarhamah yang boleh menjadi ikutan ramai.

Katanya, sikap merupakan antara ciri istimewa yang ada padanya sepanjang perkenalan mereka.

"Jika ada sesuatu yang betul, dia akan berdiri di atas sikapnya yang betul itu."



"Dia bermula dengan saya sebagai penyanyi latar, sejak itu saya tahu dia punya kemahiran menyanyi dan mempunyai kualiti yang tersendiri," ujarnya.

## "Terima kasih Kak Dib bantu kami" - Jefri

PENGGUNA akaun Twitter **Jefri El'Mansor** @jeppppppppp\_ berkongsi kebaikan Adibah Noor yang pernah membantu keluarganya dari segi kewangan tahun lalu.

Paparan skrin mesej Allahyarhamah itu dikongsikan Jefri di media sosialnya selepas mendapat tahu berita kematian Adibah.

"Terima kasih kak Dib sebab dulu pernah membantu 'family' kami," katanya.

**Jefri El'Mansor** @jeppppppppp\_ Terima kasih kak dib sebab dulu pernah membantu family kami 🌸



# MEDIA WARGA KOTA

## Dapatkan

### di lebih 500 lokasi

### terpilih di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan

\* Maklumat lanjut layari: [www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my) \*



SEBAHAGIAN LOKASI EDARAN  
AKHAR WILAYAHKU

**KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL:** DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ **JALAN RAJA LAUT:** PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ **JALAN PAHANG:** RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ **JALANMASJIDINDIA:** PT10BUSINESSCENTRE ■ **KAMPUNGBARU:** YAYASANWILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNGBARU ■ PASARAYAANGKASA ■ KEDAI RUNCITMJSTOREONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ **JALAN TUN RAZAK:** INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■

**PUTRAJAYA - PRESINT 1:** MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJARAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJARAYA - URUSAN BANGUNAN ■ **PRESINT 2:** KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■

**LABUAN** - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFS ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCH-RANCH ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

# Jom terokai keindahan Pulau Langkawi



SABRINA SABRE

**M**EMILIKI tiga taman georimba iaitu Machinchang Cambrian Geoforest Park, Kilim Karst Geoforest Park dan Dayang Bunting Marble Geoforest Park serta formasi batu tertua di Asia Tenggara, Pulau Langkawi adalah destinasi percutian yang sememangnya menjadi

tumpuan pelancong tempatan dan asing untuk bercuti bersama keluarga, kawan-kawan dan insan tersayang.

Anda pasti teruja kerana terdapat pelbagai aktiviti menarik untuk diterokai, bukan sahaja berjalan kaki di bawah sinaran mentari di Pantai Cenang, malah pengunjung boleh berlibur di Air Terjun Telaga Tujuh atau menikmati keindahan pemandangan paya bakau yang memukau.

Langkawi merupakan sebahagian daripada 99 gugusan pulau di Laut


Andaman yang telah diiktiraf sebagai UNESCO Global Geopark pertama di Asia Tenggara sejak tahun 2007. Landskap kars pulau ini pula terbentuk daripada hakisan dan formasi batuan sejak 550 juta tahun lalu.

Kepelbagaian biodiversiti pulau ini merangkumi hutan batu kapur, hutan batu pasir, hutan granit dan paya bakau. Machinchang Cambrian Geoforest Park pula merupakan satu-satunya georimba di dunia yang terbentuk daripada batu pasir.

Kini pengunjung boleh

menikmati keindahan panorama 360 derajat Langkawi dari puncak Machinchang melalui perkhidmatan kereta kabel SkyCab. Bagi melengkapkan lagi percutian anda di Langkawi, Wilayahku senaraikan beberapa destinasi dan aktiviti menarik yang boleh diterokai.

Ayah bersama-sama teroka dan rasai sendiri pengalaman percutian menarik di Langkawi. Untuk maklumat lanjut sila layari [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel) dan akaun media sosial Tourism Malaysia. WK



## Pulau Tuba

**LUPAKAN bangunan pencakar langit dan bandar yang sesak dengan menuju ke Pulau Tuba, sebuah lokasi 'hidden gem' yang terletak kira-kira lima kilometer dari arah selatan Langkawi.**

Cara terbaik untuk meneroka perkampungan nelayan yang indah ini adalah dengan menyewa basikal, van atau menaiki bot dari Jeti Pekan Rabu. Untuk merasai pengalaman santai dalam suasana mendamaikan, pengunjung boleh menikmati pemandangan sawah padi selain menyaksikan kerbau-kerbau berkeliaran di jalanan atau rumah-rumah kampung yang penuh warna-warni di Desa KEDA Teluk Berembang.

Selain itu, anda boleh memilih untuk

melakukan aktiviti pendakian di Bukit Licin, meneroka Gua Wang Buluh dan Gua Kelawar, menelusuri Hutan Bukit Kecik untuk menyaksikan keajaiban geologi yang memukau atau menikmati mi udang di Tanjung Pandan.

Untuk pengalaman mengelilingi pulau yang menarik, anda boleh mencuba aktiviti Safari Jet Ski Pulau Dayang Bunting yang dikendalikan secara profesional oleh Mega Water Sports di Pantai Cenang. Pengalaman meredah Laut Andaman selama empat jam ini bakal membawa anda ke lapan buah pulau sebagai kawasan persinggahan termasuk Pulau Dayang Bunting, Beras Basah, Singa Besar, Rebak Besar serta The Fjords of Langkawi.



Imbas kod QR untuk ke laman sesawang



## Jelajah Pekan Kuah dan Laman Padi

**LUANGKAN masa anda sehari dengan bersiar-siar di Pekan Kuah yang sebelum ini merupakan perkampungan nelayan dan kini telah berubah wajah menjadi destinasi tumpuan pelancong bagi aktiviti beli-belah di pulau bebas cukai itu. Antara barang yang wajib dibeli dalam kalangan pelancong tempatan termasuklah coklat, peralatan dapur serta minyak wangi. Tarikan destinasi pelancongan lain yang terdapat di Pekan Kuah termasuklah Dataran Lang,**

Balai Seni Negara Langkawi dan Menara Maha.

Bukan itu sahaja, anda boleh menikmati sajian dengan berlatarkan sawah padi di Restoran Kerisik, Laman Padi yang terletak berhampiran Pantai Cenang dengan pelbagai sajian tradisional Melayu serta aneka menu pilihan termasuklah set Nasi Tuba, set Nasi Padang Lalang, set Nasi Sunda dan set Nasi Kendawang. Pemandangannya amat memukau pada waktu malam.

## Kereta Kabel Langkawi

**MENAIKI kereta kabel SkyCab di bawah kendalian Panorama Langkawi akan memberi anda pengalaman menakjubkan pada ketinggian 708 meter dari paras laut. Terletak di sebelah barat pulau, perjalanan ini menelusuri jajaran sepanjang 2.2 kilometer yang menghubungkan stesen permulaan di kaki Gunung Machinchang sehingga ke stesen akhir di puncak.**

Selain kereta kabel, pengunjung juga boleh bersiar-siar sambil menikmati pemandangan di atas Sky Bridge (jambatan rentang bebas dan melengkung terpanjang di dunia) iaitu sepanjang 125 meter.

Tarikan aktiviti lain yang turut ditawarkan oleh Panorama Langkawi termasuklah SkyRex, Oriental Village, 6D Cinemotion dan 3D Art Langkawi.



## Kubang Badak BioGeo Trail

**LAWATAN ke Langkawi mungkin tidak lengkap jika tidak meneroka ke Kubang Badak BioGeo Trail yang terdiri daripada 12 lokasi berbeza untuk diterokai dengan menaiki bot dari Jeti Kubang Badak.**

Terletak di pantai barat laut Langkawi, kawasan ini kaya dengan kepelbagaian khazanah geologi serta sejarah kependudukan masyarakat Siam

menerusi penemuan peninggalan tanur arang berbentuk kubah yang dibina di kawasan hutan paya bakau dan berusia lebih 100 tahun untuk penghasilan bahan bakar sekitar abad ke-18.

Menariknya, destinasi ekopelancongan terbaru di Langkawi ini telah menerima pengiktaran Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (PATA) Gold Awards 2021 di bawah kategori warisan.

'Alang-alang berdakwat, biarlah hitam'

# Pinda Perkara 152, Bahasa Melayu untuk tujuan rasmi



DATIN DR FARIDAH JALIL

**B**ERBEZA daripada cadangan peruntukan lain berkenaan perkara menggambarkan identiti Persekutuan Tanah Melayu yang tertera dalam Perlembagaan 1957 dan dibincangkan Suruhanjaya Reid pada tahun 1956, laporan perbincangan mengenai Bahasa Kebangsaan adalah ringkas.

Perenggan 170 Laporan Suruhanjaya Reid menyebutkan - 'selepas menimbulkan cadangan dikemukakan mengenai perkara berkaitan bahasa kebangsaan, Suruhanjaya menyatakan walaupun penggunaan bahasa selain bahasa kebangsaan tidak dapat dihentikan serta-merta, cara bagaimana penggunaan bahasa lain perlu dibenarkan tidak dapat ditentukan Suruhanjaya'.

Ini bermaksud, terserah kepada pemerintah atau kerajaan untuk memikirkan bagaimana hal ini (penggunaan bahasa Melayu dan bahasa lain) ditangani. Inti pati cadangan Suruhanjaya Reid ialah:

1. Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan

2. Untuk tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun, bahasa Inggeris hendaklah diteruskan penggunaannya sebagai bahasa rasmi Persekutuan

3. Selepas tamat 10 tahun, terserah kepada Parlimen memutuskan perubahan sesuai mengenai bahasa kebangsaan

4. Pemansuhan penggunaan bahasa Inggeris sebelum tamat tempoh 10 tahun tidak praktikal


5. Menjadikan bahasa selain bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tidak disarankan

6. Penggunaan bahasa lain bagi tujuan pemakluman, pengumuman adalah perlu untuk beberapa tempoh waktu

Inti pati ini dizahirkan melalui Perkara 152 Perlembagaan yang terasnya tidak banyak berubah daripada cadangan Suruhanjaya Reid.

Kali terakhir peruntukan ini dipinda adalah pada 1971, ini bermakna hampir 51 tahun ia tidak pernah diperkemas semula, walaupun banyak berlaku perubahan dalam dasar negara berkenaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

Penggunaan bahasa Melayu



sebagai bahasa kebangsaan atau rasmi disangga Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Akta 342), yang kini berusia hampir 59 tahun jika dihitung dari 1963 dan hampir 55 tahun jika dihitung dari 1967.

Akta 342 ini juga disemak untuk kali terakhir pada 1971. Apa yang menjadi kemesyikilan kepada rakyat adalah kenapa Perkara 152 dan Akta 342 yang menjadi pasak pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan/rasmi tidak pernah dikaji semula walaupun pejuang, pakar bahasa dan kerajaan menyedari kedudukan bahasa ini terumbang-ambil.

Termasuk 'bahasa rasmi' tidak digunakan dalam Perlembagaan, sebaliknya yang digunakan ialah bahasa kebangsaan. Penggunaan bahasa Melayu bagi urusan rasmi seperti disebut oleh Akta 32 mengangkat kedudukannya sebagai bahasa rasmi.

Namun begitu, peruntukan ini tertakluk kepada Fasal (1) Perkara 152 Perlembagaan yang membenarkan penggunaan bahasa lain, bagi tujuan selain daripada maksud rasmi serta pengajaran dan pembelajaran bahasa lain.

Ia juga memberi kuasa kepada kerajaan Persekutuan dan negeri untuk memelihara serta meneruskan penggunaan dan pengajaran bahasa kaum lain dalam Persekutuan.

Berteraskan peruntukan ini, jelas sekali selain untuk tujuan rasmi, yang diertikan sebagai 'apa-apa maksud' adalah kerajaan Persekutuan atau negeri serta sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan boleh menggunakan bahasa, selain bahasa Melayu dalam urusan rasmi atau sehari-hari.

Tafsiran 'tujuan rasmi' ini juga ketinggaan zaman kerana urusan rasmi pada hari ini merangkumi skop dan aktiviti lebih luas.

Kemajuan bahasa Melayu menerima banyak perentangan bukan daripada rakyat bukan Melayu, tetapi orang Melayu dan kerajaan sendiri terutama jika dikaitkan dengan dasar pendidikan diguna pakai kerajaan, menyulitkan strategi pendidikan untuk pembangunan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan/rasmi atau bahasa antarabangsa.

Hal ini menyebabkan bahasa Melayu sering kelihatan sebagai 'kalah sabong, menang sorak'. Dalam era globalisasi dan kehairahan universiti mengejar penarafan antarabangsa serta meningkatkan penjanjian, ada universiti berteraskan bahasa Melayu juga meminggirkan bahasa kebangsaan.

Perkara 152 dan Akta 342 sewajarnya disemak semula dan penetapan baharu dibuat mengenai kedudukan bahasa

Melayu dalam pentadbiran negara, sistem pendidikan, perbicaraan di mahkamah dan dewan perundangan supaya ini tidak dijadikan bahan polemik.

Badan Eksekutif perlu tegas mengenai penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara bagi urusan dalaman pentadbiran dan merangka dasar terbaru mengenai kedudukan bahasa Melayu selari dengan pembentukan perpaduan dan hubung kaitnya dengan tamadun.

Pembentukan dasar terbaru membolehkan dewan perundangan menghasilkan undang-undang bahasa yang jitu untuk memandu pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan menutup tohmann mengenai kedudukan bahasa Melayu.

Pembentukan undang-undang bahasa Melayu sebagai naskhah sahih oleh Parlimen akan melancarkan penggunaan bahasa Melayu di mahkamah, kerana ungkapannya akan dilihat dalam konteks alam Malaysia dan ditafsir berdasarkan prinsip keadilan setempat pada hari ini selari piawaian antarabangsa.

Dalam bentuk peruntukan Perkara 152 dan Akta 342 sekarang, hasrat memartabat bahasa Melayu boleh dilihat sebagai 'jauh panggang dari api'.

Tempoh 10 tahun yang

**“ Tempoh 10 tahun yang disebut dalam Perkara 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan kini berlanjutan kepada lebih 50 tahun. Dalam tempoh itu, banyak berlaku suasana berbolak-balik mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam urusan pentadbiran, pendidikan dan kehakiman.**

disebut dalam Perkara 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan kini berlanjutan kepada lebih 50 tahun. Dalam tempoh itu, banyak berlaku suasana berbolak-balik mengenai penggunaan bahasa Melayu dalam urusan pentadbiran, pendidikan dan kehakiman.

Keadaan ini seperti 'berjalan dua tapak tetapi mengundur sepuluh tapak'. Mungkin benar seperti telahan beberapa pihak, Perkara 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan tidak membantu bahasa Melayu, tetapi memperkuuh kedudukan bahasa Inggeris, kerana apabila bahasa Melayu kekal berpolemik, bahasa Inggeris digunakan secara meluas.

Sebutan tempoh 10 tahun dalam Perkara 152 membangkitkan tanggungjawab di sudut Perlembagaan untuk memaksa Kabinet dan Parlimen meneliti penggunaan bahasa Melayu dalam sektor pentadbiran, perundangan dan kehakiman apabila tempoh itu tiba.

Perkara 152 sepatutnya dilihat sebagai peruntukan transisi akan loput, bukan terus kekal. Selepas 10 tahun, Perkara 152 sepatutnya dipindahkan menjadi satu peruntukan di Bahagian I Perlembagaan yang dikhushuskan sebagai, 'Negeri-negeri, Agama, Bahasa dan Undang-undang bagi Persekutuan'.

Akta 342 pula sewajarnya digantikan dengan peruntukan baharu lebih tegas dan terarah berkait penggunaan bahasa Melayu. Akta berkenaan hendaklah menunjukkan kesungguhan dan komitmen serta memenuhi aspirasi 'alang-alang berdakwat, biarlah hitam'.

Tulisan tertera dalam akta itu perlu jelas dan memberikan tanggungjawab kepada institusi berkaitan supaya tidak berlepas tangan atau melakukannya sekadar 'melepaskan batok di tangga' atau 'indah khabar dari rupa'.

**Penulis adalah Penasihat Institut Reformasi Politik dan Demokrasi (REFORM)**

DR NAHRIZUL  
ADIB KADRI

**K**EMENTERIAN Pendidikan memaklumkan yang keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan pada 16 Jun lalu.

Agak signifikan kerana calon SPM kali ini adalah dari kohort yang menempuh kurikulum baharu bermula pada tahun 2017 dan 'ditambah' pula dengan cabaran sesi persekolahan dan menduduki peperiksaan semasa beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sempena pandemik COVID-19.

Analisis pencapaian anak-anak ini tentunya menjadi kayu ukur kepada pihak kementerian, dan lain-lain pihak yang berkepentingan untuk menilai sejauh mana keberhasilan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah, terutamanya impak yang diberikan oleh penambahan kurikulum tersebut.

Selalunya, isu klise membabitkan calon SPM adalah mengenai pilihan jurusan bagi menyambung pengajian yang lebih tinggi. Topik sebegini adalah lebih rapat dengan khalayak kerana melibatkan kemampuan pendidikan tinggi dalam mengubah tahap dan status sosioekonomi seseorang.

Jika seseorang calon dilihat cenderung kepada aliran sains, maka laluan ke peringkat yang lebih tinggi selalunya digalakkan untuk diteruskan dalam aliran yang sama. Begitu juga dengan kecenderungan dan aliran lain di sekolah, hatta bidang vokasional sekali pun.

Namun demikian, ada satu lagi aspek signifikasi keputusan SPM ini yang jarang disentuh. Penulis lebih meminat untuk melihat keputusan SPM sebagai analogi kepada garis masa kehidupan yang lebih luas. Sebagaimana yang dimaklumi oleh ramai orang dewasa, kehidupan kita ini boleh diibarat sebagai sebuah perjalanan. Dan 'acara' seperti keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) (sudah tiada), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) (juga sudah tiada), SPM, graduasi (baik di peringkat Sarjana Muda atau yang lebih tinggi), bekerja, kenaikan pangkat, hidup berkeluarga dan sebagainya hanyalah sebuah 'persinggahan'.

Benar, kita boleh bergembira atas asbab menamatkan persekolahan (untuk calon SPM); namun perjalanan sebenar perlu diteruskan. Benar, keputusan SPM kita seolah-olah menjadi penentu mutlak langkah seterusnya di dalam proses pembelajaran secara formal; namun kualiti kehidupan kita bukan ditentukan oleh sekeping sijil akademik yang diterima kelak.

Apa yang lebih penting adalah sejauh mana kita membina dan memperoleh sebentuk kemahiran yang ketinggian nilainya turut diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui UNESCO, sebagai antara elemen penentu dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Kemahiran

# Lepasan SPM: Teruskan melangkah untuk pembelajaran sepanjang hayat



yang dimaksudkan di sini ialah kemahiran pembelajaran sepanjang hayat.

Bentuk pendidikan formal, sama ada di sekolah, kolej, universiti dan lain-lain bentuk institusi pengajian adalah terhad kepada objektif penubuhan dan misi pelaksanaan kurikulum yang diguna pakai. Seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat bukan hanya akan membantu membina masyarakatnya melalui pengetahuan dan kemahiran khusus yang diterimanya semasa merentasi pendidikan formal, malah mampu menyumbang lebih lagi. Dengan adanya kemahiran ini, sifat-sifat positif seperti kepimpinan, integriti, proaktif, penyelesaian masalah dan kemampuan bekerja dalam pasukan akan terserlah. Keserlahan ini bukan sahaja memberi kesan jangka pendek kepada individu yang terlibat, malah mampu mencambah sifat yang serupa kepada ahli masyarakat lain di dalam komuniti yang sama.

Jika dilihat senario kenaikan harga barang makanan baru-baru ini, yang dikatakan disebabkan oleh pelbagai faktor luar kawal, ramai pemegang taruh cuba mengambil bahagian dengan mencadangkan solusi masing-masing. Namun ada antara solusi yang dicadangkan telah disambut dengan nada sinis dan negatif, termasuklah cadangan untuk menanam sendiri makanan di halaman rumah, demi mengurangkan kos makanan harian.

Pada hemat penulis, jika kemahiran pembelajaran hayat ini

tersemat di sanubari setiap ahli komuniti, cadangan-cadangan sebegini tidak mungkin akan terus dibakul-sampaikan semudah itu.

Benar, bukan semua orang mampu menanam sayur di halaman rumah disebabkan pelbagai kekangan; dari ketiadaan kemahiran sehingga hal kepada ketiadaan halaman. Itu tidak lagi termasuk isu logistik dan kawalan kualiti. Benar, bukan semua cadangan perlu diterima bulat-bulat, terutamanya jika datangnya dari pihak yang dilihat mempunyai kepentingan.

Namun suka juga penulis kongsikan yang proses menanam sayur dan makanan di sekeliling rumah ini sebenarnya boleh dilakukan sesiapa sahaja dan bukanlah sebuah idea yang bukan-bukan. Namun, ia memerlukan beberapa syarat khusus: keperluan kepada ilmu yang betul, dan semangat yang betul.

Dr Rosazlin Abdullah dari Institut Sains Biologi, Universiti Malaya (UM), yang juga merupakan Presiden, Persatuan Sains Tanah Malaysia, sangat aktif dalam mempromosi teknik dan konsep kebun bandar di komuniti di seluruh negara. Beliau dan pasukannya malah pernah mengadakan demonstrasi penghasilan baja organik dari sisma makanan dan pertanian kepada pelatih Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), bagi membantu mereka memulakan hidup baru dengan kemahiran bercucuk tanam secara moden.

Dengan ilmu yang betul, idea menanam sendiri sayur ini tidak lagi sesuatu yang mustahil.

**“Bentuk pendidikan formal, sama ada di sekolah, kolej, universiti dan lain-lain bentuk institusi pengajian adalah terhad kepada objektif penubuhan dan misi pelaksanaan kurikulum yang diguna pakai. Seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat bukan hanya akan membantu membina masyarakatnya melalui pengetahuan dan kemahiran khusus yang diterimanya semasa merentasi pendidikan formal.**

ilmu baharu dan semangat untuk menjadi penyelesa kepada masalah yang dihadapi. Dan kemahiran ini boleh diperoleh oleh setiap daripada kita, jika hanya kemauan untuk meneruskan pengajian itu terus mekar di dalam diri, biar pun proses pembelajaran secara formal itu dilihat seolah-olah sudah 'selesai'. Oleh itu, walaupun apa pun keputusan yang diterima kelak, sama-sama kita mendoakan agar langkah setiap daripada calon SPM 2021 tidak terhenti di sini sahaja. Teruskan melangkah menimba ilmu walau di mana sahaja, demi mencapai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat yang telah dikenal pasti mampu menjamin kelangsungan masyarakat yang berilmu, berdaya saing dan berdikari.

**Penulis merupakan Profesor Madya di Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Fakulti Kejuruteraan, dan Pengaruh, Pejabat Komunikasi Korporat, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi di nahrizuladib@um.edu.my.**



# Kami Prihatin: LABUANfm, LSE santuni bapa tunggal



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**L**ABUANfm menyantuni seorang bapa tunggal di Kampung Patau-Patau Dua sempena Program Jelajah Kami Prihatin anjuran Jabatan Penyiaran Labuan dengan rakan strategik Labuan Shipyard Engineering (LSE) Sdn. Bhd, baru-baru ini.

Bapa tunggal berkenaan yang dikenali sebagai **Ramli Ahmad**,

52, yang bekerja sebagai seorang nelayan kini terpaksa menjalankan tugas sebagai ibu dan bapa kepada empat orang anaknya selepas kehilangan isterinya sejak dua tahun lalu.

Menurut Timbalan Pengarah Jabatan Penyiaran Labuan, **Fauziah Mohd Sidek**, program itu juga secara tidak langsung sebagai mendekati golongan yang kurang berasib baik melalui aktiviti kunjung ziarah di samping menyampaikan bantuan mengikut keperluan penerima.

Dengan program ini secara tidak langsung dapat meraikan dan mendekati golongan yang

kurang berasib baik melalui aktiviti ziarah.

“Malahan dengan sumbangan yang dihulurkan mengikut keperluan penerima ini membolehkan mereka meneruskan aktiviti serta kehidupan dalam keadaan yang selesa,” katanya kepada pemberita di program berkenaan, pada Jumaat lalu.

Pada program itu, LABUANfm telah menyumbangkan bantuan barang makanan dan wang tunai RM1,000 kepada Ramli.

Pihak LSE Sdn Bhd turut menyumbangkan alat kelengkapan rumah iaitu satu unit dapur gas dan sebuah mesin basuh. **WK**



FAUZIAH (tengah) menyerahkan cek replika bantuan wang tunai kepada Ramli (tiga dari kiri) pada Program Jelajah Kami Prihatin di Kampung Patau-Patau Dua, pada Jumaat lalu.



GAPILIN (hujung kiri) bersama Brandon (dua dari kanan) dan Nurul Syahirah (dua dari kiri) menerima piala pusingan dan irungan sebagai juara Kejohanan Golf Amatur Terbuka 2022.

## Brandon Lai dan Nurul Syahirah dinobatkan juara Kejohanan Golf Amatur Terbuka Labuan 2022

**BRANDON** Lai dari Kelab Golf Shan Sui Golf & Country Club Tawau (SSGCC) dan Nurul Syahirah dari Sandakan Golf Country Club (SDGCC) dinobatkan sebagai juara Kejohanan Golf Amatur Terbuka Labuan 2022 di Labuan Golf Club (LGC), baru-baru ini.

Brandon mencatatkan 224 pukulan diperolehi selama tiga hari kejohanan berlangsung dan secara tidak langsung telah mengalahkan saingannya Saffaruddin Abidin dari Sandakan Golf Country Club (SDGCC) yang membuat 231 pukulan.

Manakala, Nurul Syahirah mencatatkan sebanyak 236 pukulan yang diperolehi dan menobatkan dirinya sebagai juara kategori wanita. Beliau menerima hadiah sebuah piala pusingan dan irungan berserta wang tunai.

Naib johan bagi kategori wanita gross dimenangi oleh Nabila Alifudin dari Sabah Golf Association (SGA) yang turut mencatatkan 236 pukulan dan tempat ketiga

dimenangi Chew I Youn (255 pukulan) dari Sabah Golf Country Club (SGCC).

Bagi kategori Nett lelaki johan dimenangi oleh Mohd Sofian Alfian Nair dari Keningau Golf Country Club (KUGCC) dengan 144 pukulan, naib johan dimenangi Harry Chung dari Sabah Golf Country Club (SGCC) dengan 144 pukulan.

Tempat ketiga dan keempat masing-masing dimenangi oleh Jackson Gamalid dari Keningau Golf Club (KGC) yang mencatatkan 145 pukulan dan Albert Robin juga dari KGC dengan 145 pukulan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Presiden LGC, Datuk Gapilin Nasaruddin.

Kejohanan anjuran LGC dengan kerjasama Asian Supply Base (ASB) Sdn Bhd telah disertai seramai 112 peserta termasuk 20 peserta wanita yang melibatkan penyertaan lebih 10 kelab golf dari Sabah, Semenanjung dan Labuan. **WK**

## Labuan International Sea Challenge (LISC) 2022 diadakan Julai ini

**PERBADANAN** Labuan (PL) bakal menganjurkan *Labuan International Sea Challenge* (LISC) 2022 pada 1 hingga 3 Julai ini selepas dua tahun pertandingan itu tidak diadakan susulan pandemik COVID-19.

Menurut kenyataan PL baru-baru ini, acara itu dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai persatuan sukan dan pihak bukan kerajaan (NGO) sebagai pengelola bersama bagi menyasarkan penyertaan dari dalam dan luar negara.

“Sebanyak tiga acara utama diadakan iaitu DAIWA Deep Sea Challenge, Kejohanan Tarik Tali dan Pulau Papan Kayak Challenge 7 KM.

“Para peserta yang bertanding bakal berebut hadiah berbentuk wang tunai dengan jumlah keseluruhan RM63,500,” kata kenyataan itu.

PL berkata, sebanyak enam pertandingan sokongan turut diadakan seperti Sprint Kayak Challenge (300M) terbuka, Pertandingan Memancing Pesisir Pantai, Beach Petanque, Kejohanan Bola Tampar




ANTARA pertandingan yang diadakan pada Labuan International Sea Challenge (LISC) 2022 pada awal Julai ini.

sebanyak

Pantai.

“Selain itu, orang ramai turut dilu-lukan menyertai pertandingan video game *Takken 7*, Sukanaka Pantai dan Pertandingan Karaoke 60-an turut diadakan dengan menawarkan hadiah yang menarik,” jelas kenyataan itu. **WK**



**PERADUAN MEWARNA PM170**

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

**CARA MENYERTAI:**

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM170".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **2 JULAI 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 172.

**3** PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN


**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 168**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM168 daripada akhbar Wilayahku Edisi 168:

SITI NURAISYA HUMAYRAA REZA ADHA  
(12 tahun)  
Presint 14, Putrajaya

IMAN AZZAHRAH HISRAL  
(11 tahun)  
Kajang, Selangor

MOSHINTHERAN RUBENTHERAN  
(8 tahun)  
Setapak, Kuala Lumpur

**TEKA SILANG KATA SK170****MELINTANG**

1. Bahan peledak
6. Sejenis buah
7. Kaku/kejangan
8. Masak-memasak
14. Wap air
15. Kotoran badan
16. Gelaran wanita bangsawan
17. Penyelidikan

**KE BAWAH**

1. Sejenis ikan
2. Masa yang panjang
3. Tergeliat
4. Tidak suka
5. Tegang/berbahaya
9. Rambut putih
10. Cedera
11. Denyutan arteri
12. Berhati-hati
13. Raja perempuan

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

**CARA MENYERTAI:**

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK170".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **2 JULAI 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 172.

**3** PENYERTAAN PALING TEPAT DAN  
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.




BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:  
YAYASAN  
WILAYAH  
PERSEKUTUAN

**BaKaT CiliK**

Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:  
[wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



# Hari Rekreasi PUTRAJAYA

Dengan Kemeriahian Bersama

Jom  
**HEBOH**

**25-26**  
JUN 2022

**ANJUNG  
FLORIA**  
PRESINT 4,  
PUTRAJAYA

SIARAN LANGSUNG: BORAK KOPITIAM | WANITA HARI INI |  
MELODI | KONSERT JOM HEBOH | BELON UDARA PANAS | SENAM  
ROBIK | TREE CLIMBING | FLYING FOX | BANDAR RV | DESA KOPI |  
PALOF (FESTIVAL PENCINTA HAIWAN PUTRAJAYA)|  
PERTANDINGAN MEMANCING | TOMAN CHALLENGE | ZUMBA |  
SKATEBOARD CHALLENGE | PESTA DURIAN

Anjuran:  
**Perbadanan  
Putrajaya**

Rakan Kerjasama :





AINI MAWAWI

**P**ERBADANAN Putrajaya (PPj) kembali memantapkan sektor pelancongan dengan mengadakan sesi Putrajaya Tourism Familiarization (FAM) Trip yang bertempat di *Glamping@ Wetland (GL@W)*, Putrajaya.

Sesi pengenalan produk baharu pelancongan Putrajaya ini menghimpunkan wakil-wakil hotel di Putrajaya, agensi awam, pengusaha sektor pelancongan dan Majlis Perwakilan Penduduk Putrajaya.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya,

**TPr Norzita**

**Abdul Razak,** ini merupakan antara siri promosi destinasi pelancongan yang bermula sejak awal tahun setelah dua tahun industri pelancongan tempatan sunyi akibat pandemik COVID-19.

"Semasa tempoh pandemik, kita ada produk baharu yang mana salah satunya adalah GL@W. Walaupun sejak dilancarkan pada hujung tahun lalu ia mendapat sambutan yang menggalakkan namun tak semua komuniti, pemegang taruh dan hotel di Putrajaya tahu dari segi pengisian dan fasilitinya.

"Jadi, melalui sesi ini pihak pengurusan akan taklimat mengenai GL@W selain peserta juga dibawa meninjau kemudahan rekreasi yang terdapat di sini," ujar



NORZITA

# Putrajaya Tourism FAM Trip perkenal produk baharu pelancongan



PESERTA bergambar sejurus sesi Putrajaya Tourism FAM Trip.

beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, antara inisiatif sesi tersebut adalah bagi menguar-uarkan berkenaan produk pelancongan yang ada supaya mereka dapat mempromosikannya dalam paket mereka.

"Sebagai contoh, pihak Tourism Malaysia mungkin boleh memasukkan destinasi ini ke dalam kalender pelancongan mereka selain pihak hotel pula

dapat memperkenalkan tarikan ini kepada pelanggan mereka," ujar beliau yang turut menyatakan Putrajaya sedang menyediakan Pelan Tindakan Pelancongan 2032.

Mengulas lanjut usaha menjadikan Putrajaya sasaran destinasi pelancongan antarabangsa, Norzita berkata mereka mempunyai beberapa strategi yang telah dirangka ke arah tersebut.

"Kita nak sasarkan daripada

Industri Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE) yang mana sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, banyak persidangan antarabangsa yang diadakan antaranya di Putrajaya International Convention Centre (PICC) selain PPj dan hotel-hotel utama di Putrajaya juga turut mempunyai kemudahan MICE yang berkualiti.

"Kita juga mempunyai 13 buah taman awam yang kita sasarkan

"Tourism Malaysia mungkin boleh memasukkan destinasi ini ke dalam kalender pelancongan mereka selain pihak hotel pula dapat memperkenalkan tarikan ini kepada pelanggan mereka," ujar beliau yang turut menyatakan Putrajaya sedang menyediakan Pelan Tindakan Pelancongan 2032.

dalam kluster eko pelancongan selain kekuatan Putrajaya juga dari segi alam bina iaitu seni bina bangunan dan jambatan yang ikonik, pencahayaan bandar yang menarik tiap kali festival seperti LAMPU, Floria Diraja, Putrajaya Bridge Night Ride baru-baru ini sambutan acara rasmi negara dan wilayah serta Karnival Jom Heboh dan Hari Rekreasi Putrajaya pada hujung minggu ini," ujar beliau.

Dalam pada itu, PPj juga sedang mempromosikan destinasi makan Putrajaya di beberapa restoran yang sudi menjadi rakan kolaborasi dengan menggunakan pendekatan media sosial dan pengaruh media sosial. **WK**

## GL@W bakal masuk kalender pelancongan

**GLAMPING@WETLAND (GL@W)**, Putrajaya yang menjanjikan perkhemanan glamor dilengkapi pendingin hawa, permaidani serta tilam empuk persis hotel mewah bakal dimasukkan dalam kalender pelancongan Tourism Malaysia.

Menurut Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik, Tourism Malaysia, **Syed Yahya Syed Othman**, pihak Tourism Malaysia akan membantu sebaik baik bagi mempromosikan destinasi menarik tersebut kepada pelancong.



SYED YAHYA

kepada pelancong," ujar beliau kepada *Wilayahku* sejurus sesi Putrajaya Tourism Familiarization (FAM) Trip baru-baru ini.

Berkongsi keunikan destinasi tersebut, Syed Yahya berkata lokasi tersebut dapat menarik generasi muda kerana lengkap dengan aktiviti seperti sukan lasak bermotor ATV, stand up paddle (SUP) dan sebagainya.

"Jika membawa keluarga yang berumur pula, mereka boleh berjoging sambil menghirup udara segar memandangkan kawasan ini terletak di Taman Wetland yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi," ujarnya yang terju dengan kewujudan GL@W.

Mengulas tentang industri pelancongan yang semakin rancak sejak peralihan fasa endemik, beliau berkata pihaknya sedang giat

mempromosikan pelancongan domestik dengan menambah aktiviti bercorak pelancongan.

"Kita mempunyai beberapa strategi yang telah kita atur iaitu pertama dari segi pelancongan domestik dengan memperbanyak pergerakan dalam dan keduanya kita juga membantu industri dari segi geran iaitu salah satunya seperti baucar pelancongan," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, di pihak antarabangsa pula, Tourism Malaysia memulakan dengan pasaran yang penting iaitu negara ASEAN diikuti Timur Tengah kerana ia menunjukkan peningkatan pelancong yang mendadak.

"Peningkatan yang memberangsangkan ini bermula sejak kerajaan memutuskan supaya sempadan negara dibuka kepada pasaran antarabangsa bermula 1 April 2022 yang lalu," kata beliau.

**Dengan Kerjasama**

**Program KESEDARAN KESELAMATAN Dalam Komuniti Putrajaya**

**TARIKH** **25 JUN 2022 (SABTU)** **MASA** **8.30 PAGI**

**TEMPAT** **RUANG LEGAR AUDITORIUM CEMPAKA SARI, KOMPLEKS PPJ**

**Maklumat Lanjut Sila Hubungi**  
**Pn. Shuhana : 03-8887 7756**

**Imbas QR Kod atau Sila Layari**  
**<https://tinyurl.com/mskv3sdv>**

Seimbang sukan dan pendidikan

# Nurnadia mahu bergelar penyelidik sukan

DIANA AMIR

**B**IARPUN aktif dalam bersukan namun atlet tenpin boling Wilayah Persekutuan, Siti Nurnadia Ismail, 23, tetap menitikberatkan pendidikan kerana baginya ilmu dan sukan perlu seiring untuk masa hadapan yang lebih cerah.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam ini berkata ilmu itu sangat penting walaupun bergelar atlet kerana tanpa ilmu kehidupan sesorang diibaratkan seperti tin kosong.

"Walaupun kita berjaya sebagai atlet tetapi cuba bayangkan jika suatu hari nanti jika nasib tidak menyebelahi kita dan tidak dapat lagi bersukan, apa yang boleh lakukannya jika tiada ilmu? Itu yang buat saya takut."

"Sekurang-kurangnya dengan



pendidikan dapatlah kita mencari pekerjaan lain yang sesuai dengan keadaan kita untuk kelangsungan hidup," ujarnya yang bercita-cita mahu menjadi penyelidik sukan.

Berkongsi lebih lanjut tentang dirinya, dia kini sedang menjalani Latihan Industri di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).

"Saya bersyukur ditempatkan di sini kerana selain daripada melakukan kerja pengurusan, saya juga berpeluang membantu jurulatih melatih atlet-atlet dari segi fizikal yang mana secara tidak langsung saya juga dapat berlatih sekali," jelasnya.

Mengulas tentang perkembangan terbaharunya, dia kini sedang menanti keputusan sama ada tersenarai ataupun tidak dalam Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 yang bakal diadakan di sekitar Lembah Klang pada 16 sehingga 24 September ini.

"Kalau mengikut Indeks

## Pencapaian Nurnadia

2022 – Kejohanan Tertutup Malaysia, Sunway Pyramid – Keenam

2018 – Interstate, Sunway Pyramid – Emas (Beregut)

2018 – SUKMA Perak – Ketiga (Beregut) – Emas (Bertiga) – Ketiga (Berlima) – Keenam (Keseluruhan)

2016 – SUKMA Sarawak (Penyertaan)

ta-cita untuk beraksi di peringkat antarabangsa pada masa hadapan.

"Sukan boling ini sudah sebat

dengan jiwa, kalau boleh saya nak capai kejayaan tertinggi sekurang-kurangnya penat lelah melakukan latihan selama ini berbaloi," kongsinya. **WK**



# Aaliyah cipta dua rekod Asia, tiga rekod peribadi di Florida

ATLET ski air negara Aaliyah Yoong Hanifah memperkenalkan aksi menakjubkan menjelang Kejohanan Dunia bulan depan apabila mencipta dua rekod baharu Asia serta mencatat tiga rekod peribadi terbaik di Fluid Summer Showdown.

Aaliyah yang menyertai kejohanan di Polk City, Florida pada 17 hingga 19 Jun itu mencipta pencapaian luar biasa dengan melepas 8,000 mata buat pertama kali dalam acara kegemarannya, tricks.

Atlet berusia 18 tahun itu melakukan catatan terbaiknya dalam acara tricks dengan 8,080 mata untuk menduduki tempat kedua pada pusingan pertama di belakang Erika Lang dari Amerika Syarikat (11,420 mata) sebelum menamatkan saingan dengan 7,300 mata di pusingan kedua.

Rekod Asia dan catatan terbaik sebelumnya adalah 7,680 mata dilakukan pada Kejohanan Asia 2019.

Aaliyah meneruskan rentak cermerlang dalam acara jump apabila melakukan 41.9 meter (m) pada pusingan kedua, memperbaharui catatan 41.4m dilakukannya di Moomba Masters, di Melbourne, Australia pada Mac lepas.

Beliau turut memperbaharui rekod Asia dan catatan terbaiknya dalam acara slalom selepas melakukannya 4/55/12 (empat pelampung/55kmj/12m tali) pada pusingan kedua, memadam rekod lama 3/55/12 dilakukannya di



AKSI hebat Aaliyah di Fluid Summer Showdown.

Kejohanan Remaja Dunia 2018.

Mengulas mengenai pencapaian terbaharunya, Aaliyah berkata beliau gembira kerana berjaya mengatasi catatan terbaiknya dalam acara tricks, selain menunjukkan peningkatan dalam jump dan slalom selepas tiba lebih awal di Florida untuk berlatih di bawah jurulatih dari Chile Larry Gisler di Piskos Waterski School.

"Saya bersyukur dapat kembali, berlatih dan bertanding di Florida selepas berehat empat tahun. Ini adalah kejohanan biasa kerana setiap peserta bersaing dengan diri sendiri untuk memperbaiki catatan dan ranking selain tiada tekanan.

"Ia adalah persekitaran yang baik kerana dikelilingi begitu ra-

mai atlet ski air dan rakan-rakan, serta Lake Grew juga satu daripada tasik paling ideal untuk ski di Florida. Ia tasik kecil dan arah angin sentiasa tepat untuk melompat.

"Saya agak santai sepanjang masa berada di atas air yang pastinya membuatkan saya beraksi lebih baik," katanya dalam kenyataan daripada Persatuan Ski Air dan Papan Wakeboard Malaysia.

Duta Yayasan Sime Darby yang menduduki ranking ke-14 kategori tricks terbuka wanita, akan menyertai kejohanan June Okee 3-Event Record di West Palm Beach, Florida pada 25-26 Jun, sebelum menyertai Kejohanan Dunia di Birmingham, Alabama pada 7 hingga 17 Julai. - BERNAMA



120 peserta dijangka menyertai kejohanan pada Julai depan.

# Perodua Ativa menanti pemenang hole-in-one

PEMENANG 'hole-in-one' berpeluang membawa pulang hadiah berupa sebuah kereta Perodua Ativa bernilai lebih RM61,000 pada Kejohanan Golf Tourism Selangor di Kelab Golf Seri Selangor (KGSS), Kota Damansara, pada 23 Julai ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor Sdn Bhd, **Azrul Shah Mohamad** berkata seramai 120 peserta terdiri daripada wakil sektor awam dan swasta, selebriti serta pe-

main golf terkenal tempatan akan mengambil bahagian.

Bayaran penyertaan adalah sebanyak RM499 seorang.

"Kita lebih tumpu untuk promosi produk pelancongan di negeri ini," katanya pada sidang media.

Menurutnya, kejohanan tahunan ini juga memberi sokongan sempena sambutan ulang tahun ke-16 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) tahun ini. **WK**



Nurnadia mahu gelar penyelidik sukan

►►23

Bantu orang ramai, gelandangan jana sumber pendapatan

## RRVM tukar sampah jadi wang tunai

AZLAN ZAMBRY

**M**ESIN kitar semula yang dikenali 'Recycling Reverse Vending Machine' (RRVM) yang boleh menukar sampah kepada ganjaran wang tunai boleh membantu orang ramai dan gelandangan menjana pendapatan tambahan di ibu kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata inisiatif itu diwujudkan bagi menjadikan Kuala Lumpur bandar raya bebas sampah, bersih dan indah.

"Ini satu usaha daripada DBKL dan mesin ini khas untuk sampah kecil yang boleh dikitar semula terutama selepas kita mengisyiharkan beberapa kawasan sebagai zon bebas sampah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media ketika meninjau pelaksanaan RRV yang diletakkan di hentian bas berdepan Menara DBKL 2 pada Ahad.

Beliau berkata, mesin itu akan mengira sendiri nilai sampah yang dimasukkan dan wang tunai akan terus dikreditkan ke dalam akaun bank pengguna.

"Saya dapat lihat tadi, satu botol plastik air dinilai lima sen, kita masuk tiga sampah dan jumlahnya 15 sen."

"Ganjaran duit ini akan terus masuk ke dalam akaun bank kita, langkah ini bagus bagi mengelak



MAHADI (tengah) melakukan demonstrasi dengan memasukkan botol plastik ke dalam RRVM pada Ahad.

berlakunya kejadian penyeluk sa-ku dan vandalisme serta usaha yang selamat untuk mesin ini tidak di-ganggu," katanya.

Beliau berkata, dengan kewujudan mesin RRVM, ia dapat membantu orang ramai terutama gelandangan menjana pendapatan sampingan.

"Kalau tiada kerja lain, mereka boleh juga membantu DBKL mem-bersihkan bandar raya ini, sekali gus boleh menjadi punca pendapatan bagi mereka," katanya.

Kata Mahadi, pihaknya ber-cadang untuk memperluaskan

penggunaan RRVM dan permulaan ia akan diletakkan di kawasan tumpuan orang ramai melibatkan tempoh percubaan selama tiga bulan.

"Antara kawasan yang dicadangkan adalah seperti laluan utama menaiki pengangkutan awam, Dataran Merdeka dan Pintasan Saloma.

"Kita mempunyai data di loka-si yang sesuai diletakkan mesin ini terutama kawasan tumpuan yang kerap membuang botol plastik dan sampah kecil lain.

"Ini antara usaha menjadikan



RRVM ini boleh membantu orang ramai dan gelandangan menambah pendapatan sekali gus menjadikan Kuala Lumpur bersih dan indah.

dan kotak minuman.

RRVM turut digunakan secara meluas di seluruh dunia terutama di negara United Kingdom, Rusia, Norway, Sweeden, Kanada dan Amerika Syarikat.

Terdahulu Mahadi turut menyertai Program Kuala Lumpur Car Free Morning (KLCFM) yang turut disertai oleh wakil daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sebagai kempen untuk memupuk kesedaran tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan warga kota serta menjalani gaya hidup sihat. **WK**

## "Meremang bawa watak Mat Kilau" - Adi Putra

DEEL ANJER

**AKTOR** **Datuk Adi Putra** me-naku bukan mudah untuk menggalas tanggungjawab men-cabar dalam membawa watak pahlawan Melayu, Mat Kilau.

Menurut Adi, dirinya agak ber-hati-hati membawa watak utama dalam filem Mat Kilau itu ker-na tidak mempunyai rujukan atau maklumat yang terperinci.

"Dari sudut penceritaan, saya banyak berbincang dengan penerbit dan pengarah. Filem ini tentang kebangkitan pahlawan, memaparkan bagaimana Mat Kilau dan sahabat-sahabat mem-pertahankan tanah air daripada penjajahan Belanda.

"Filem ini bukan biografi. Namun Mat Kilau juga bukan mi-

tos. Beliau wujud. *Alhamdulillah*, dengan rujukan dan perbin-cangan yang dibuat, saya dapat tonjolkan perwatakan Mat Kilau itu secara visual.

"Filem adalah filem. Saya nak kongsikan tentang kebangkitan pahlawan. Apa yang kita tahu, ar-wah meninggal dunia pada usia lebih 100 tahun.

"Jadi watak Mat Kilau yang saya lakonkan adalah dirinya ketika di usia 30-an. Itu yang telah dibincang dan dipersejutui oleh pengarah dan penerbit," katanya.

Dalam pada itu, Adi Putra juga berharap masyarakat di luar sana datang menonton filem Mat Kilau di pawagam kerana banyak mesej serta unsur-unsur patriotik dalam filem bersejarah itu.

"Banyak mesej. Bila cerita,



ADI Putra (tengah) bersama sebahagian pelakon filem Mat Kilau.

rasa meremang. Arwah pernah mengeluarkan satu kenyataan dalam sebuah akhbar, yang men-

juangannya adalah menjaga agama, bangsa dan negara. Itu sangat memberi impak terhadap diri saya," ujarnya lagi.

Selain Adi Putra, filem itu di-sokong bintang hebat termasuk Wan Hanafi Su sebagai ayah Mat Kilau iaitu Tok Gajah, Beto Kusyairy (Wahid), Khir Rahman (Usup), Fattah Amin (Awang) dan Johan As'ari (Yassin).

Filem yang menelan belan-jia RM8 juta itu turut dibintangi Datuk Jalaluddin Hassan yang me-megang watak Haji Muhammad, Datuk Rahim Razali (Imam Bottoqh), Namron (Haji Sulong), Shaharuddin Thamby (Datuk Bahaman) dan Ellie Suriati (ibu Yassin) serta aktor aksi handalan Indonesia, Yayan Ruhian sebagai Toga. **WK**